



A photograph of the Dewan Undangan Negeri (State Legislative Assembly) building in Penang, showing its white neoclassical architecture, columns, and ornate gates under a clear sky.

DEWAN UNDANGAN NEGERI

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

**PULAU PINANG**

**TAHUN 2018 SIRI 2**

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA





# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 2018  
SIRI 2**

**Jabatan Audit Negara Malaysia**



# KANDUNGAN



---

# KANDUNGAN

---

MUKA  
SURAT

PENDAHULUAN

vii

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI**

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI  
PULAU PINANG**

1 - 3

1. Pengurusan Skim Bantuan Am

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

2 - 3

2. As Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.

**PENUTUP**

3 - 3

**AKRONIM**

4 - 3



# PENDAHULUAN



---

## PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti jabatan/agensi serta pengurusan syarikat kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pula akan menyebabkan laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

**1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

**1.2. Pengauditan Pematuhan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

**1.3. Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

**1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap aktiviti di satu (1) jabatan dan satu (1) syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pengauditan terhadap aktiviti kementerian/jabatan/agensi kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Format pelaporan sedia ada telah ditambah baik dengan menyediakan Ringkasan Eksekutif bagi setiap aktiviti yang dilaporkan, untuk membolehkan pembaca mendapat maklumat penting mengenai perkara yang diaudit serta penemuan utama Audit.

3. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *Exit Conference* diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak lima (5) syor untuk diambil tindakan oleh jabatan berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti kerajaan negeri. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan kerajaan negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**15 November 2019**

**1**

## JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

- Pengurusan Skim Bantuan Am



# **RINGKASAN EKSEKUTIF**

## **JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

### **NEGERI PULAU PINANG**

### **PENGURUSAN SKIM BANTUAN AM**

---

#### **Perkara Utama**

##### **Apa yang diaudit?**

- Pengauditan terhadap pengurusan Skim Bantuan Am (SBA) bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu pencapaian prestasi dan pengurusan SBA.
- Prestasi output dinilai berdasarkan pencapaian sasaran dan agihan SBA. Prestasi *outcome* dinilai berdasarkan kemampuan berdikari penerima SBA yang mengikuti *2 Years Exit Programme* (2YEP).
- Pengurusan SBA meliputi empat (4) perkara utama iaitu peruntukan dan agihan, pembayaran, permohonan baru dan pelanjutan SBA serta kadar kelayakan bantuan.
- Pengauditan melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) dan tiga (3) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS). Sebanyak 350 (22.7%) daripada 1,544 permohonan baru SBA dan 301 (7.5%) daripada 3,989 permohonan pelanjutan SBA telah dipilih sebagai sampel.

##### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Skim Bantuan Am merupakan skim bantuan pemulihan bertujuan meringankan beban hidup golongan yang berpendapatan rendah untuk menyara keluarga bagi memenuhi keperluan asas, menolong mengembangkan keupayaan mereka agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dan seterusnya dapat berdikari.
- Sejumlah RM26.20 juta telah diagihkan kepada 9,665 penerima SBA bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018.
- Selain itu, *2 Years Exit Programme* (2YEP) telah diperkenalkan pada tahun 2016 bertujuan memperkasa kefungsian hidup klien yang produktif ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia untuk sara hidup. Melalui program ini, bantuan geran pelancaran berjumlah RM2,700 seorang telah diberikan kepada peserta yang layak sebagai modal awal untuk memulakan perniagaan.
- Pengauditan terhadap program SBA perlu dilaksanakan bagi menilai keberkesanan program dan pencapaian objektif yang ditetapkan iaitu

membantu meringankan beban hidup golongan yang berpendapatan rendah.

### Apa yang ditemui Audit?

- Prestasi Output SBA mencapai sasaran yang ditetapkan:
  - bilangan penerima SBA telah mencapai sasaran ditetapkan dan hanya pemohon yang memenuhi syarat kelayakan telah mendapat bantuan.
- Prestasi *outcome* SBA kurang berkesan:
  - peserta 2YEP SBA masih belum mencapai pendapatan yang disasarkan walaupun telah melebihi tempoh dua (2) tahun.
  - hanya lima (5) (27.8%) daripada 18 peserta 2YEP mampu berdikari manakala seramai lapan (8) peserta 2YEP masih belum mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan dan lima (5) peserta 2YEP tidak lagi meneruskan perniagaan.
- Pengurusan SBA adalah cekap dan berkesan:
  - JKMNPP telah memproses dan meluluskan permohonan baru dan pelanjutan SBA serta membuat bayaran kepada 5,533 penerima SBA melibatkan tiga (3) daerah dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
  - bantuan SBA diagihkan kepada penerima yang layak mengikut kadar yang diluluskan.
- Wujud kelemahan kawalan dalaman dan pengurusan bantuan di PKMD Timur Laut iaitu:
  - penggunaan ID pelulus bagi tujuan mengaktifkan semula fail penerima bantuan kewangan yang telah berpindah/ditamatkan bantuan kewangan.
  - Laporan Penyata Bayaran Melalui Bank yang disediakan oleh PKMD tidak disemak di peringkat JKMNPP sebelum diserahkan kepada bank.
  - Kehilangan wang awam tidak diuruskan mengikut peraturan kewangan semasa.

# JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

## 1. PENGURUSAN SKIM BANTUAN AM


### FAKTA UTAMA

Bilangan penduduk Negeri Pulau Pinang.	Jumlah Agihan SBA (2015 hingga 2018).	Melibatkan penerima SBA di Negeri Pulau Pinang (2015 hingga 2018).
<b>1.77 Juta</b>	<b>RM26.20 Juta</b>	<b>9,665 penerima SBA</b>
<b>Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang</b>	Melahirkan masyarakat sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan dan pembangunan sosial.	
<b>Bantuan Kewangan Negeri</b>	Melibatkan lima (5) skim iaitu Skim Bantuan Am (SBA), Bantuan Sekolah, Geran Pertubuhan Sukarela, Bantuan Bencana dan Tabung Bantuan Segera Negeri.	
<b>Skim Bantuan Am (SBA)</b>	Skim bantuan pemulihan yang bersifat sementara untuk membantu individu/keluarga yang tidak mampu dan berkeperluan sehingga dapat dipulihkan untuk hidup berdikari.	
<b>2 Years Exit Programme (2YEP)</b>	Program yang membolehkan penerima SBA keluar dari paras garis kemiskinan.	

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) merupakan jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). JKMNP berperanan untuk melahirkan masyarakat sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan dan pembangunan sosial di semua peringkat. Pelaksanaan Skim Bantuan Kewangan adalah selaras dengan Senarai Bersama (*Concurrent List*) antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang termaktub dalam Peruntukan Perlembagaan Malaysia di bawah Senarai 3 - Jadual Kesembilan Senarai Perundangan. Pemberian bantuan kewangan disalurkan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan negeri. Lima (5) Skim Bantuan Kewangan Negeri telah diwujudkan bagi menyalurkan pemberian bantuan menggunakan peruntukan kerajaan negeri. Skim yang diwujudkan adalah seperti dalam **Rajah 1**. Pemberian bantuan ini diuruskan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD).

**RAJAH 1**  
**JENIS SKIM BANTUAN KEWANGAN NEGERI**



Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

1.2. Skim Bantuan Am (SBA) merupakan skim bantuan pemulihan yang bersifat sementara untuk membantu individu/keluarga yang tidak mampu. Objektif SBA bertujuan meringankan beban hidup golongan yang berpendapatan rendah untuk menyara keluarga bagi memenuhi keperluan asas, menolong mengembangkan keupayaan mereka agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dan seterusnya dapat berdikari. Kriteria kelayakan yang ditetapkan termasuklah taraf kewarganegaraan, umur, pendapatan keluarga kurang daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK) dan bilangan tanggungan. Selain itu, aspek kesihatan atau kecacatan, keadaan tempat kediaman dan persekitaran serta faktor lain yang boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian pemohon/keluarga di bawah pendapatan per kapita RM220 sebulan akan turut dipertimbangkan. Pada akhir tahun 2018, penerima SBA yang menerima bantuan adalah seramai 2,312 orang (0.1%) daripada 1.77 juta bilangan penduduk di Negeri Pulau Pinang.

1.3. Peruntukan Skim Bantuan Kewangan Negeri berjumlah RM32.09 juta telah diluluskan oleh kerajaan negeri bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018. Peruntukan yang diluluskan merangkumi SBA dan agihan skim lain seperti bantuan bencana (*one-off*), bantuan persekolahan serta pembelian barang keperluan bencana. Sejumlah RM26.20 juta daripada RM32.09 juta tersebut telah diagihkan untuk penerima SBA dan sejumlah RM5.03 juta pula telah diagihkan di bawah Skim Bantuan Kewangan Negeri yang lain. Butiran peruntukan diluluskan dan agihan bantuan kewangan negeri adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PERUNTUKAN DILULUSKAN DAN AGIHAN BANTUAN KEWANGAN NEGERI**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	AGIHAN BANTUAN KEWANGAN NEGERI		
		AGIHAN SBA (RM Juta)	LAIN-LAIN AGIHAN* (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
2015	8.01	5.57	1.73	7.30
2016	8.00	6.34	1.52	7.86
2017	8.12	6.98	1.14	8.12
2018	7.96	7.31	0.64	7.95
<b>JUMLAH</b>	<b>32.09</b>	<b>26.20</b>	<b>5.03</b>	<b>31.23</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

Nota: (\*) - Bantuan bencana (*one-off*), bantuan sekolah dan pembelian barang keperluan bencana

1.4. Pada tahun 2016, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) telah memperkenalkan *2 Years Exit Programme* (2YEP) bagi membolehkan penerima SBA keluar daripada PGK. 2YEP bertujuan memperkasa kefungsian hidup klien yang produktif ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan kewangan JKM untuk sara hidup. Program ini melibatkan penerima SBA, Bantuan Kanak-Kanak (BKK) dan Elaun Pekerja Cacat (EPC). Peserta yang terpilih akan diberikan bantuan geran pelancaran 2YEP berjumlah RM2,700 seorang sebagai modal awal untuk memulakan perniagaan. Geran pelancaran tersebut diterima daripada Kerajaan Persekutuan melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU). JKMNPP akan membimbing dan memantau peserta 2YEP sepanjang pelaksanaan tempoh dua (2) tahun mulai dari tarikh kelulusan bantuan program sehingga peserta dapat menjana pendapatan bulanan melebihi PGK.

1.5. Pengauditan terhadap pengurusan SBA pernah dijalankan pada tahun 2012 di JKMNPP, PKMD Timur Laut dan PKMD Seberang Perai Utara. Antara penemuan yang dibangkitkan ialah pembayaran dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia, wang bantuan dikeluarkan daripada akaun penerima yang telah meninggal dunia, agihan bantuan menggunakan kadar lama dan agihan bantuan kepada penerima yang telah ditamatkan. Selain itu, terdapat juga isu kelewatan menjalankan siasatan terhadap permohonan bantuan, kelewatan memaklumkan keputusan meluluskan permohonan bantuan, kajian semula kes lanjutan tidak dijalankan mengikut peraturan dan bantuan yang tidak dituntut.

## **2. OBJKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan bagi menilai sama ada Skim Bantuan Am telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu seperti berikut:

- a. meringankan beban hidup golongan yang berpendapatan rendah untuk menyara keluarga bagi memenuhi keperluan asas; dan
- b. menolong mengembangkan keupayaan mereka agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dan seterusnya dapat berdikari.

## **3. SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi pengurusan SBA bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018. Pengauditan dijalankan adalah meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan SBA. Prestasi SBA dinilai berdasarkan dua (2) perkara, iaitu pencapaian

output dan pencapaian *outcome*. Pencapaian output dinilai berdasarkan pencapaian sasaran dan agihan SBA. Prestasi *outcome* pula dinilai berdasarkan kemampuan berdikari penerima SBA melalui 2YEP. Pengurusan SBA meliputi empat (4) perkara, iaitu peruntukan dan agihan, pembayaran, permohonan baru dan pelanjutan SBA serta kadar kelayakan bantuan. Pengauditan melibatkan JKMNPP dan tiga (3) PKMD, iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS). Asas pemilihan sampel adalah berdasarkan risiko iaitu kekerapan pelanjutan SBA dan umur penerima SBA. Selain itu, pertimbangan juga diberi terhadap faktor lain seperti bilangan penerima SBA dan peserta 2YEP yang tertinggi antara daerah serta bilangan permohonan baru. Bagaimanapun, PKMD Timur Laut (DTL) tidak dipilih sebagai sampel kerana pengauditan pengurusan SBA pernah dijalankan di PKMD berkenaan pada tahun 2012. Sebanyak 350 (22.7%) daripada 1,544 permohonan baru SBA dan 301 (7.5%) daripada 3,989 permohonan pelanjutan SBA telah dipilih sebagai sampel. Skop pengauditan juga telah dilanjutkan di PKMD Timur Laut berikutan kes kehilangan wang awam yang dilaporkan oleh JKMNPP pada 11 Disember 2017 yang turut melibatkan wang bantuan SBA. Hasil penemuan Audit dilaporkan dalam Para 6.3, iaitu Isu-Isu Pengurusan Lain.

#### **4. METODOLOGI PENG AUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan menganalisis data dalam sistem e-Bantuan melibatkan SBA. Selain itu, temu bual dengan pegawai JKMNPP dan tiga (3) PKMD serta testimoni daripada penerima SBA juga telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Lawatan Audit ke premis penerima bantuan dilaksanakan di tiga (3) daerah yang terlibat. Selain itu, pihak Audit menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) bagi tujuan menganalisis data penerima SBA.

#### **5. RUMUSAN AUDIT**

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2018 hingga Januari 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

##### **5.1.1. Prestasi Skim Bantuan Am**

Secara keseluruhannya, SBA telah mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu meringankan beban hidup golongan yang berpendapatan rendah untuk menyara keluarga bagi memenuhi keperluan asas dan menolong mengembangkan keupayaan mereka agar dapat meneruskan kelangsungan hidup. Hal ini kerana bilangan penerima SBA telah mencapai sasaran ditetapkan dan hanya pemohon yang

memenuhi syarat kelayakan telah mendapat bantuan. Bagaimanapun, sasaran *outcome* untuk membolehkan penerima SBA berdikari dan keluar daripada PGK melalui 2YEP masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Hal ini kerana hanya lima (5) atau 27.8% daripada 18 peserta 2YEP yang telah tamat tempoh pelaksanaan dua (2) tahun mampu berdikari dan keluar daripada PGK. Lapan (8) peserta masih belum mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan dan berada di gred merah manakala lima (5) peserta tidak lagi meneruskan perniagaan.

### **5.1.2. Pengurusan Skim Bantuan Am**

Berdasarkan semakan di tiga (3) PKMD iaitu SPU, SPT dan SPS, Pengurusan SBA adalah cekap dan berhemat kerana JKMNPP telah berjaya mengagihkan peruntukan yang diluluskan. JKMNPP telah memproses dan meluluskan permohonan baru dan pelanjutan SBA serta membuat bayaran kepada 5,533 penerima SBA melibatkan tiga (3) daerah dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Selain itu, bantuan SBA juga telah diagihkan kepada penerima yang layak mengikut kadar yang diluluskan. Bagaimanapun kes kehilangan wang awam di PKMD Timur Laut, menunjukkan wujud kelemahan kawalan dalaman serta pengurusan wang bantuan yang menyebabkan kehilangan wang awam berjumlah RM109,570.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini adalah terhadap prestasi *outcome* peserta 2YEP SBA yang masih belum mencapai pendapatan yang disasarkan walaupun telah melebihi tempoh dua (2) tahun.

5.3. Lain-lain isu pengurusan yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini melibatkan kelemahan kawalan dalaman dan pengurusan bantuan di PKMD Timur Laut adalah seperti berikut:

- i. penggunaan ID pelulus bagi tujuan mengaktifkan semula fail penerima bantuan kewangan yang telah berpindah/ditamatkan bantuan kewangan;
- ii. Laporan Penyata Bayaran Melalui Bank yang disediakan oleh PKMD tidak disemak di peringkat JKMNPP sebelum diserahkan kepada bank; dan
- iii. kehilangan wang awam tidak diuruskan mengikut peraturan kewangan semasa.

## **6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Perkara yang ditemui dan maklum balas JKMNP telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 12 Mac 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

### **6.1. Prestasi Skim Bantuan Am**

#### **6.1.1. Pencapaian Output SBA**

##### **a. Pencapaian Sasaran SBA**

- i. Sasaran bilangan penerima SBA dibuat berdasarkan unjuran peruntukan diluluskan di dalam Anggaran Belanjawan Mengurus Kerajaan Negeri Pulau Pinang setiap tahun. Unjuran peruntukan disediakan berdasarkan jumlah maksimum kelayakan iaitu RM770 seorang. Pada tahun 2015 hingga 2018, JKMNP telah mensasarkan penerima bantuan SBA masing-masing seramai 2,650, 2,208, 2,127 dan 2,127 penerima.
- ii. Semakan Audit mendapati JKMNP telah memberi kelulusan dan melanjutkan pemberian SBA antara 97.8% hingga 114.5% daripada sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2015, bilangan penerima SBA adalah seramai 2,591 orang, iaitu mencapai 97.8% daripada 2,650 bilangan penerima SBA yang disasarkan. Bagi tahun 2016 hingga 2018 pula, bilangan penerima SBA telah melebihi sasaran yang ditetapkan antara 5.3% hingga 14.5%. Pencapaian melebihi sasaran yang ditetapkan adalah kerana sebahagian daripada pemohon telah diluluskan SBA kurang daripada jumlah maksimum yang ditetapkan dan dengan ini lebih banyak permohonan dapat diluluskan. Sasaran dan pencapaian penerima SBA adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**SASARAN DAN PENCAPAIAN PENERIMA SBA BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018**

TAHUN	BIL. SASARAN PENERIMA SBA	PENCAPAIAN	
		BIL. PENERIMA SBA	(%)
2015	2,650	2,591	97.8
2016	2,208	2,326	105.3
2017	2,127	2,436	114.5
2018	2,127	2,312	108.7
<b>JUMLAH</b>	<b>9,112</b>	<b>9,665</b>	<b>106.1</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

## b. Prestasi Agihan SBA

- i. Kertas Dasar Bantuan Am JKM menetapkan SBA diberikan kepada individu/keluarga yang tidak mampu dan berkeperluan sehingga dapat dipulihkan untuk hidup berdikari atau meneruskan kehidupan yang lebih berkualiti. Kertas dasar yang berkuatkuasa 1 Januari 2013 menetapkan syarat asas kelayakan bagi SBA adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**SYARAT ASAS KELAYAKAN BAGI SKIM BANTUAN AM**

BIL.	SYARAT ASAS KELAYAKAN
1.	Warganegara Malaysia dan tinggal menetap di Negeri Pulau Pinang.
2.	Pendapatan per kapita isi rumah tidak melebihi RM220 untuk sebulan.
3.	Golongan tidak berkemampuan dan berkeperluan yang tidak memenuhi syarat-syarat Skim Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat yang lain.
4.	Faktor-faktor lain yang diambil kira ialah bilangan anak/tanggungan, tahap ketidakupayaan ketua keluarga, keadaan rumah kediaman, kecacatan dan keuzuran disebabkan oleh penyakit.
5.	Faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian pemohon/keluarga di bawah pendapatan per kapita RM220 sebulan.

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

- ii. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, sebanyak 14,993 permohonan baru telah diterima oleh PKMD SPU, SPT dan SPS. Permohonan ini melibatkan permohonan baru bagi semua skim yang ditawarkan oleh ketiga-tiga PKMD. Sebanyak 1,544 daripada permohonan tersebut memenuhi syarat asas kelayakan dan telah diluluskan pemberian SBA. Selain itu bagi tempoh yang sama, pelanjutan SBA telah diluluskan kepada 3,989 penerima.
- iii. Analisis Audit terhadap bilangan permohonan dan kelulusan bantuan SBA bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 mendapati bilangan penerima SBA mencatatkan penurunan pada tahun 2016, iaitu kurang seramai 172 orang berbanding tahun 2015. Bagaimanapun pada tahun 2017, terdapat peningkatan bilangan penerima SBA iaitu seramai 114 orang. Bilangan penerima SBA menunjukkan penurunan semula pada tahun 2018 iaitu kurang seramai 103 orang.
- iv. Berdasarkan analisis tersebut, didapati penurunan bilangan penerima SBA pada tahun 2016 dan 2018 antaranya disebabkan permohonan baru pada tahun tersebut lebih banyak diluluskan di bawah skim bantuan kewangan yang lain. Adalah juga didapati berlaku pengurangan kelulusan lanjutan SBA pada tahun 2016 disebabkan penerima SBA sudah mampu berdikari, pendapatan per kapita melebihi PGK, penerima SBA telah berpindah, meninggal dunia atau ditukar skim bantuan. Peningkatan bilangan penerima

SBA pada tahun 2017 pula adalah disebabkan peningkatan kelulusan permohonan bantuan di bawah SBA berbanding skim bantuan kewangan yang lain.

- v. Sebanyak 5,070 permohonan baru tidak diluluskan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 disebabkan pemohon tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Antaranya ialah pemohon mempunyai anak yang telah dewasa dan bekerja, pemohon masih sihat dan berupaya bekerja serta pendapatan isi rumah melebihi pendapatan per kapita. Maklumat permohonan dan kelulusan bantuan kewangan adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**BILANGAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN BANTUAN KEWANGAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

DAERAH	PERMOHONAN BARU				LANJUTAN SBA (Bil.)	BILANGAN PENERIMA SBA (Bil.)
	DITERIMA (Bil.)	LULUS SBA (Bil.)	LULUS SKIM BANTUAN PERSEKUTUAN DAN LAIN-LAIN BANTUAN NEGERI (Bil.)	DITOLAK (Bil.)		
	(a)	(b)	(c)	(d)		
<b>TAHUN 2015</b>						
SPU	1,722	244	972	506	559	803
SPT	1,263	121	698	444	293	414
SPS	706	28	438	240	236	264
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>3,691</b>	<b>393</b>	<b>2,108</b>	<b>1,190</b>	<b>1,088</b>	<b>1,481</b>
<b>TAHUN 2016</b>						
SPU	1,801	189	1,130	482	503	692
SPT	1,259	96	663	500	254	350
SPS	763	32	477	254	235	267
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>3,823</b>	<b>317</b>	<b>2,270</b>	<b>1,236</b>	<b>992</b>	<b>1,309</b>
<b>TAHUN 2017</b>						
SPU	1,936	374	968	594	474	848
SPT	1,074	94	579	401	212	306
SPS	794	47	429	318	222	269
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>3,804</b>	<b>515</b>	<b>1,976</b>	<b>1,313</b>	<b>908</b>	<b>1,423</b>
<b>TAHUN 2018</b>						
SPU	1,646	181	984	481	614	795
SPT	1,129	96	575	458	200	296
SPS	900	42	466	392	187	229
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>3,675</b>	<b>319</b>	<b>2,025</b>	<b>1,331</b>	<b>1,001</b>	<b>1,320</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>14,993</b>	<b>1,544</b>	<b>8,379</b>	<b>5,070</b>	<b>3,989</b>	<b>5,533</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

**Pada pendapat Audit, pencapaian output SBA adalah cekap dan berkesan kerana bilangan sasaran penerima SBA telah tercapai. Selain itu, agihan SBA telah disalurkan kepada penerima yang layak sahaja.**

#### **6.1.2. Prestasi *Outcome* Peserta 2 Years Exit Programme (2YEP) SBA**

- a. Pelan Transformasi JKMM telah memberi fokus dan penekanan kepada usaha membantu penerima bantuan ke arah hidup berdikari melalui pelaksanaan *Productive Welfare*. Pelan transformasi ini mula diperkenalkan pada tahun 2010 dengan mensasarkan penerima bantuan supaya dapat terus hidup berdikari melalui pembelajaran pelbagai kemahiran kehidupan (*survival skills*) agar tidak selamanya bergantung kepada bantuan kerajaan. Seiring dengan perancangan berkenaan, JKMM pada tahun 2016 telah merangka 2 Years Exit Programme (2YEP) bagi tujuan tersebut.
- b. 2YEP membantu penerima SBA keluar daripada PGK dan mampu berdikari. Selain itu, program ini juga memperkasa kefungsian hidup penerima bantuan yang produktif ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan kewangan untuk sara hidup. Program ini mengambil kira aspek seperti motivasi klien yang tinggi serta latihan/kemahiran yang bersesuaian dengan minat dan potensi penerima bantuan. Selain itu, penglibatan penerima bantuan dalam pekerjaan/program secara berterusan akan memastikan klien tidak kembali kepada bantuan kebajikan untuk saraan hidup.
- c. Berdasarkan Terma Rujukan Pengurusan Projek Rintis 2YEP, prestasi peserta akan dipantau oleh Jawatankuasa Penilaian 2YEP yang ditubuhkan di peringkat JKMNPP dan PKMD. Pemantauan meliputi aspek pendapatan peserta dan diklasifikasikan mengikut gred warna. Gred merah bagi peserta yang memperoleh pendapatan minimum RM300 hingga RM700 sebulan, gred kuning mencapai tahap pendapatan RM800 hingga RM1,100 sebulan dan gred hijau mencapai tahap pendapatan melebihi RM1,200 sebulan. Peserta yang menjana pendapatan pada gred kuning akan dicadangkan dalam senarai peserta yang berpotensi untuk diberhentikan bantuan bulanan. Peserta yang mencapai pendapatan gred hijau pula akan disenaraikan dalam senarai penerima bantuan yang akan ditamatkan bantuan bulanan setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa 2YEP.
- d. Laporan Pemantauan Pendapatan Peserta 2YEP disediakan setiap bulan bagi menilai prestasi penerima SBA yang menyertai 2YEP. Semakan Audit telah dijalankan terhadap laporan bagi 27 penerima SBA yang menyertai 2YEP pada

tahun 2016 hingga 2018. Bagaimanapun, prestasi sebenar peserta 2YEP hanya dapat dinilai bagi peserta yang telah tamat tempoh pelaksanaan selama dua (2) tahun, iaitu peserta yang menyertai 2YEP pada tahun 2016 dan 2017. Butirannya seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PRESTASI PESERTA 2YEP BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018**  
**KEDUDUKAN PADA BULAN OGOS 2019**

TAHUN	BILANGAN PESERTA	MAMPU BERDIKARI	STATUS PROJEK / BILANGAN PESERTA			PERATUS PESERTA MAMPU BERDIKARI (%)	CATATAN		
			AKTIF MENERUSKAN PROJEK (PENCAPAIAN PENDAPATAN)		TIDAK AKTIF MENERUSKAN PROJEK				
			GRED MERAH	GRED KUNING					
2016	10	3	4	0	3	30.0	Peserta telah tamat tempoh pelaksanaan dua (2) tahun		
2017	8	2	4	0	2	25.0			
<b>JUMLAH</b>	<b>18</b>	<b>5</b>	<b>8</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>27.8</b>			
2018	9	1	7	1	0		Penilaian sepenuhnya tidak dapat dibuat kerana peserta masih belum tamat tempoh pelaksanaan dua (2) tahun		
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>27</b>	<b>6</b>	<b>15</b>	<b>1</b>	<b>5</b>				

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

e. Berdasarkan Laporan Pendapatan 2YEP tahun 2016 hingga 2018 yang disediakan oleh PKMD, prestasi 10 peserta yang menyertai 2YEP pada tahun 2016 dan telah tamat tempoh pelaksanaan selama dua (2) tahun adalah seperti perenggan berikut:

- i. Hanya tiga (3) peserta 2YEP (30%) berjaya memperoleh pendapatan antara RM1,200 hingga RM2,400 sebulan dan mampu berdikari serta telah ditamatkan SBA oleh JKMNPP. Perniagaan yang dijalankan adalah perniagaan cili boh dan muruku di Daerah SPT serta perniagaan kacang rebus di Daerah SPU seperti dalam **Gambar 1** dan **2**.

Pendapatan RM1,200 hingga RM2,400

Mampu berdikari dan telah ditamatkan SBA

**Tiga (3) peserta berjaya**

**GAMBAR 1**

Kampung Gambir, Kebun Sireh, SPT  
- Telah Ditamatkan SBA  
Bantuan Mesin Perniagaan Cili Boh  
(Pendapatan RM2,400/bulan)  
(28.11.2018)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara  
Negeri Pulau Pinang)

**GAMBAR 2**

Taman Pokok Sena, Kepala Batas, SPU  
- Telah Ditamatkan SBA  
Bantuan Peralatan Perniagaan Kacang Rebus  
(Pendapatan RM1,200/bulan)  
(12.12.2018)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara  
Negeri Pulau Pinang)

- ii. Empat (4) peserta (40%) masih aktif menjalankan perniagaan dan berada di gred merah dengan purata pendapatan yang diperoleh setiap bulan adalah antara RM300 hingga RM500. Empat (4) peserta tersebut gagal mencapai sasaran dan masih menerima SBA selepas tempoh dua (2) tahun. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti dalam **Gambar 3** dan **4**.

Pendapatan RM300 hingga RM500

Gagal mencapai sasaran dan masih menerima SBA

**Empat (4)  
peserta  
di gred merah**

**GAMBAR 3**

Kuala Muda, Penaga, SPU  
- Masih Aktif (Gred Merah)  
Perniagaan Gunting Rambut/Salon  
(Pendapatan RM300/bulan)  
(14.12.2018)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara  
Negeri Pulau Pinang)

**GAMBAR 4**

Kampung Junjung Mati, SPT  
- Masih Aktif (Gred Merah)  
Ternakan Itik Telur  
(Pendapatan RM350/bulan)  
(29.11.2018)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara  
Negeri Pulau Pinang)

- iii. Tiga (3) peserta tidak meneruskan projek kerana dua (2) peserta mengalami masalah kesihatan dan seorang peserta telah berkahwin semula dan berpindah ke luar daerah. Antara aktiviti perniagaan yang tidak diteruskan pelaksanaannya adalah seperti dalam **Gambar 5**.

Masalah  
kesihatan/berpindah ke  
luar daerah

**Tiga (3) peserta  
tidak meneruskan  
projek**



### GAMBAR 5

Kampung Air Melintas Besar, SPU

- Tidak Meneruskan Projek

Ternakan Kambing

(12.12.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara  
Negeri Pulau Pinang)

- iv. Prestasi pendapatan peserta yang menyertai 2YEP pada tahun 2016 dan telah tamat tempoh pelaksanaan pada akhir tahun 2018 dapat diringkaskan seperti dalam **Jadual 6**.

### JADUAL 6 PENDAPATAN PESERTA 2YEP TAHUN 2016 KEDUDUKAN PADA BULAN DISEMBER 2018

BIL.	NO. FAIL	PROJEK BERMULA	PROJEK	PENDAPATAN (RM)	STATUS PROJEK
<b>PESERTA 2YEP TAHUN 2016</b>					
1.	PKMD.PP/02/60004/7/011-2016	Oktober 2016	Cili boh	2,400	Gred hijau - SBA telah ditamatkan/mampu berdikari
2.	PKMD.PP/02/600/04/7/002-2016	November 2016	Muruku	2,000	Gred hijau - SBA telah ditamatkan/mampu berdikari
3.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0018/2016)	Oktober 2016	Kacang rebus	1,200	Gred hijau - SBA telah ditamatkan/mampu berdikari
4.	PKMD.PP/02/600/04/7/006-2016	Oktober 2016	Nasi lemak	500	Gred merah – Masih menerima SBA
5.	PKMD.PP/02/600/04/7/010-2016	Oktober 2016	Menternak itik telur	350	Gred merah – Masih menerima SBA
6.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0012/2016)	Oktober 2016	Gunting rambut/salon	300	Gred merah – Masih menerima SBA
7.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0014/2016)	Oktober 2016	Jahitan	0	Gred merah (Tiada pendapatan direkodkan pada bulan Ogos 2019)
8.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0007/2016)	Oktober 2016	Ternakan kambing	0	Gagal (Menjual semua kambing bagi menampung kos rawatan isteri)
9.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0013/2016)	Oktober 2016	Kebun sayur	0	Gagal (Peserta sakit)
10.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0010/2016)	Oktober 2016	Berniaga kuih dan kek	0	Gagal (Berkahwin semula dan telah berpindah keluar daerah)

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

f. Tempoh pelaksanaan bagi peserta yang menyertai 2YEP pada tahun 2017 telah tamat sepenuhnya pada bulan Ogos 2019. Semakan Audit mendapati dua (2) peserta yang menjalankan perniagaan gerai makanan dan urutan spa bergerak telah mencapai pendapatan antara RM1,500 hingga RM3,200 sebulan. Seramai empat (4) peserta masih aktif menjalankan perniagaan dan berada di gred merah dengan purata pendapatan diperoleh adalah antara RM400 hingga RM700 sebulan. Selain itu, dua (2) peserta tidak aktif meneruskan projek kerana seorang telah mendapat pekerjaan lain dan seorang lagi telah berpindah ke luar daerah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

### Dua (2) peserta berjaya

Pendapatan RM1,500 hingga RM3,200

### Empat (4) peserta di gred merah

Pendapatan RM400 hingga RM700

### Dua (2) peserta tidak aktif

Mendapat pekerjaan lain dan berpindah ke luar daerah

**JADUAL 7**  
**PENDAPATAN PESERTA 2YEP TAHUN 2017**  
**KEDUDUKAN PADA BULAN OGOS 2019**

BIL.	NO. FAIL	PROJEK BERMULA	PROJEK	PENDAPATAN (RM)	STATUS PROJEK
<b>PESERTA 2YEP TAHUN 2017</b>					
1.	PKMD.PP.03/EB600/04/7/11-17	Jun 2017	Gerai makanan	3,200	Gred hijau - SBA telah ditamatkan/mampu berdikari
2.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0005/2017)	Ogos 2017	Perniagaan urutan spa mobile	1,500	Gred hijau – Masih dalam pemantauan PKMD
3.	PKMD.PP.03/EB600/04/7/12-17	Januari 2017	Gerai makanan	500	Gred merah – Masih menerima SBA
4.	PKMD.PP.03/EB600/04/7/20-17	Jun 2017	Gerai makanan	700	Gred merah – Masih menerima SBA
5.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0003/2017)	Jun 2017	Pisang goreng, rojak dan minuman	0	Gred merah (Tiada pendapatan direkodkan pada bulan Ogos 2019 kerana menjaga bapa di hospital) (Berhenti bermiaga)
6.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0017/2017)	Ogos 2017	Perniagaan kraftangan	400	Gred Merah - Masih menerima SBA
7.	PKMD.PP.03/EB600/04/7/02-17	Mac 2017	Gerai makanan	0	Gagal (Bekerja kilang)
8.	PKMD.PP/02/60004/7/016-2017	Ogos 2017	Kedai makan	0	Gagal (Berpindah keluar daerah)

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

g. Tempoh pelaksanaan bagi peserta yang menyertai 2YEP pada tahun 2018 masih belum tamat sepenuhnya. Semakan Audit mendapati sehingga bulan September 2019, hanya seorang peserta berada di gred hijau yang telah berjaya memperoleh pendapatan berjumlah RM1,400 sebulan. Selain itu, seorang

peserta berada di gred kuning dan telah berjaya memperoleh pendapatan berjumlah RM900 sebulan manakala tujuh (7) peserta yang lain masih berada di gred merah iaitu pendapatan antara RM150 hingga RM600. Pencapaian peserta adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PENDAPATAN PESERTA 2YEP TAHUN 2018**  
**KEDUDUKAN PADA BULAN OGOS 2019**

BIL.	NO. FAIL	PROJEK BERMULA	PROJEK	PENDAPATAN (RM)	STATUS PROJEK
<b>PESERTA 2YEP TAHUN 2018</b>					
1.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0001/2018	Mac 2018	Berniaga burger	1,400	Gred hijau – Masih dalam pemantauan PKMD
2.	PKMD.PP.03/EB600/04/7/15-18	Januari 2018	Char koay teow	900	Gred kuning – Masih menerima SBA
3.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0005/2018	Mei 2018	Madu kelulut	160	Gred merah – Masih menerima SBA
4.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0006/2018	Mei 2018	Nasi lemak	367	Gred merah – Masih menerima SBA
5.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0007/2018	Mei 2018	Nasi lemak	0	Gred merah – Masih menerima SBA
6.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0017/2018	Jun 2018	Nasi lemak	400	Gred merah – Masih menerima SBA
7.	PKMD.PP.02/EB60004/7/0018-2018	Ogos 2018	Berniaga burger	600	Gred merah – Masih menerima SBA
8.	PKMD.PP.01/600/04/7/(0003/2018	April 2018	Kraftangan berasaskan kayu palet	0	Gred merah – Masih menerima SBA
9.	PKMD.PP.03/EB600/04/7/1-18	Mac 2018	Menjahit	150	Gred merah – SBA telah ditamatkan

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

- h. Analisis Audit menunjukkan pencapaian objektif program dalam aspek peserta berjaya keluar daripada PGK belum dapat dicapai sepenuhnya. Adalah didapati hanya lima (5) atau 27.8% daripada 18 peserta yang menyertai 2YEP pada tahun 2016 dan 2017 mampu berdikari dan keluar daripada PGK. Lapan (8) peserta pula masih belum dapat mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan walaupun tempoh pelaksanaan selama dua (2) tahun telah tamat dan lima (5) peserta tidak lagi meneruskan perniagaan. Keadaan ini disebabkan pegawai JKMMPP kurang kemahiran dan pengetahuan untuk membimbing peserta dalam pelaksanaan projek yang dijalankan. Selain itu, peserta juga hanya didedahkan dengan latihan penyediaan akaun dan tiada perancangan spesifik kursus/latihan

yang perlu dihadiri oleh peserta mengenai projek/perniagaan yang akan dijalankan.

### **Maklum balas JKMNP yang diterima pada 13 Mac 2019**

Prestasi *outcome* peserta 2YEP SBA adalah kurang memuaskan disebabkan pada tahun 2016 belum diwujudkan Jawatankuasa pemilihan bagi peserta 2YEP. Hanya proses saringan asas yang dilakukan dan kebanyakan penerima tidak memiliki kriteria yang ditetapkan oleh jabatan. Ini menyukarkan proses pemilihan peserta 2YEP. Bagi penerima bantuan JKMNP, terdapat beberapa faktor yang menyukarkan penerima bantuan untuk dipilih sebagai peserta 2YEP kerana kurang kemahiran dalam bidang perniagaan, masalah kesihatan dan kewangan. Pegawai kes yang tidak berpengalaman dalam bidang berkaitan menyukarkan proses pemantauan. Sebagai contoh kemahiran dalam bidang pertanian dan penternakan boleh disalurkan ke Jabatan Veterinar, wujud kelemahan dalam pemantauan, kuantiti mengatasi kualiti dalam proses, pemilihan peserta 2YEP, sikap dan mentaliti pekerja kes serta bebanan kerja pegawai kes.

**Pada pendapat Audit, 2YEP adalah satu program yang dapat membantu penerima SBA untuk keluar daripada PGK. Bagaimanapun, sasaran *outcome* peserta 2YEP SBA masih belum dapat dicapai sepenuhnya kerana terdapat peserta yang gagal keluar dari PGK selepas tamat tempoh program.**

## **6.2. Pengurusan Skim Bantuan Am**

### **6.2.1. Peruntukan dan Agihan Skim Bantuan Am**

- a. Berdasarkan belanjawan tahunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, JKMNP telah memohon peruntukan berjumlah RM32.21 juta untuk Skim Bantuan Kewangan Negeri. Sejumlah RM28.41 juta dimohon untuk SBA dan bakinya RM3.80 juta adalah untuk skim-skim agihan lain merangkumi bantuan bencana (*one-off*), bantuan sekolah serta pembelian barang keperluan bencana.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM32.09 juta yang mana sejumlah RM31.23 juta (97.3%) daripada keseluruhan peruntukan tersebut telah diagihkan kepada penerima bantuan. Sebanyak RM26.2 juta adalah agihan

untuk SBA manakala bakinya RM5.03 juta adalah untuk skim-skim agihan lain. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PERUNTUKAN DAN AGIHAN BANTUAN KEWANGAN NEGERI**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

TAHUN	PERUNTUKAN YANG DIMOHON			PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	AGIHAN BANTUAN KEWANGAN NEGERI		
	SBA (RM Juta)	LAIN-LAIN AGIHAN* (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)		AGIHAN SBA (RM Juta)	LAIN-LAIN AGIHAN* (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
2015	6.97	1.18	8.15	8.01	5.57	1.73	7.30
2016	7.20	0.80	8.00	8.00	6.34	1.52	7.86
2017	7.12	0.91	8.03	8.12	6.98	1.14	8.12
2018	7.12	0.91	8.03	7.96	7.31	0.64	7.95
<b>JUMLAH</b>	<b>28.41</b>	<b>3.80</b>	<b>32.21</b>	<b>32.09</b>	<b>26.20</b>	<b>5.03</b>	<b>31.23</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

Nota : (\*) - Bantuan bencana (*one-off*), bantuan sekolah dan pembelian barang keperluan bencana

**Pada pendapat Audit, prestasi pengagihan bantuan adalah cekap di mana JKMNPP telah berjaya mengagihkan peruntukan yang diluluskan sehingga melebihi 97%.**

#### 6.2.2. Pembayaran SBA dalam Tempoh yang Ditetapkan

- Kertas Dasar Bantuan Am JKMNPP Bil. 1340/2012 berkuatkuasa 1 Januari 2013 yang diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil. 45/2012 bertarikh 5 Disember 2012 menyatakan, penerima SBA perlu membuka akaun khas di Bank Simpanan Nasional (BSN). Akaun ini digunakan sebagai akaun bantuan bulanan JKMNPP dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain. Selain itu, penetapan juga telah dibuat bahawa pembayaran akan dikreditkan ke akaun penerima SBA pada 1hb setiap bulan.
- Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, JKMNPP telah membuat bayaran SBA berjumlah RM8.51 juta kepada 3,138 penerima di Daerah SPU, RM3.27 juta kepada 1,366 penerima di Daerah SPT dan RM3.34 juta kepada 1,029 penerima di Daerah SPS. Semakan Audit terhadap 144 baucar bayaran berjumlah RM15.12 juta yang merangkumi 5,533 penerima SBA mendapati kesemua bayaran SBA telah dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan, iaitu pada 1hb setiap bulan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**BILANGAN PENERIMA DAN JUMLAH BAYARAN SKIM BANTUAN AM**  
**MENGIKUT DAERAH BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

TAHUN	SEBERANG PERAI UTARA		SEBERANG PERAI TENGAH		SEBERANG PERAI SELATAN		JUMLAH KESELURUHAN	
	BIL. PENERIMA	AMAUN (RM Juta)	BIL. PENERIMA	AMAUN (RM Juta)	BIL. PENERIMA	AMAUN (RM Juta)	BIL. PENERIMA	AMAUN (RM Juta)
2015	803	1.57	414	0.87	264	0.59	1,481	3.03
2016	692	1.83	350	0.86	267	0.87	1,309	3.56
2017	848	2.51	306	0.72	269	0.93	1,423	4.16
2018	795	2.60	296	0.82	229	0.95	1,320	4.37
<b>JUMLAH</b>	<b>3,138</b>	<b>8.51</b>	<b>1,366</b>	<b>3.27</b>	<b>1,029</b>	<b>3.34</b>	<b>5,533</b>	<b>15.12</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

**Maklum balas JKMNP yang diterima pada 13 Mac 2019**

JKMNPP merupakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Bantuan bagi Skim Bantuan Kewangan Negeri. Bagi mengawal selia pengurusan bantuan, Bahagian Kebajikan Produktif (BKP) dan Bahagian Kewangan JKMNP telah dipertanggungjawabkan bagi merancang, mengurus, dan memantau pelaksanaan bayaran bantuan kepada kumpulan sasar dan juga mengurus pembelian barang keperluan bencana di peringkat negeri. Setiap PKMD diberi had berbelanja mengikut keperluan yang telah dikemukakan melalui unjuran yang dibuat pada setiap tahun. Prestasi perbelanjaan diselia oleh BKP pada setiap bulan dan mesyuarat secara berkala diadakan bagi menilai prestasi perbelanjaan.


**Pada pendapat Audit, prestasi bayaran SBA adalah cekap kerana telah dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan.**

### 6.2.3. Permohonan Baru dan Pelanjutan SBA

- Kertas Dasar Bantuan Am JKM Bil. 1340/2012 berkuatkuasa 1 januari 2013 yang diluluskan dalam MMK Bil. 45/2012 bertarikh 5 Disember 2012 menetapkan semua permohonan SBA perlu diproses, disiasat dan keputusan permohonan tersebut akan dimaklumkan dalam tempoh satu (1) bulan setelah dokumen lengkap diterima oleh PKMD. Berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bil. 3 Tahun 2018, Garis Panduan Pengurusan bantuan kewangan Persekutuan JKM, Perkara 7, Kaedah Permohonan, semua permohonan bantuan kewangan persekutuan dan negeri akan menggunakan Borang Permohonan Bantuan JKM (JKM 18). Tempoh kelulusan SBA hanya bagi satu (1) tahun sahaja.


- b. Berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bil. 3 Tahun 2018, Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan JKM, menyatakan Borang Kajian Semula (JKM 20) digunakan bagi mengemas kini maklumat penerima bantuan. Penggunaan borang ini adalah untuk menentukan sama ada bantuan masih sesuai diteruskan atau tidak bagi tempoh selanjutnya. Pegawai kes hendaklah mengeluarkan surat pemakluman awal berserta borang JKM 20 kepada penerima bantuan tiga (3) bulan sebelum tempoh kelulusan bantuan tamat. Penerima bantuan hendaklah mengembalikan borang tersebut dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat diterima. Keputusan pelanjutan akan dimaklumkan kepada penerima SBA dalam tempoh satu (1) bulan. Proses permohonan, siasatan dan kelulusan SBA adalah seperti dalam **Rajah 2** dan **3** manakala penemuan Audit adalah seperti perenggan berikutnya.

**RAJAH 2**  
**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN SKIM BANTUAN AM**  
**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG**



Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

**RAJAH 3**  
**CARTA ALIR PROSES SIASATAN DAN KELULUSAN SKIM BANTUAN AM**  
**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG**



Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

### i. Syarat Kelayakan Permohonan SBA

- Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 sebanyak 14,993 permohonan bagi kesemua jenis bantuan kewangan telah diterima melibatkan tiga (3) PKMD. Sebanyak 7,105 permohonan diterima di PKMD SPU, 4,725 di PKMD SPT dan 3,163 di PKMD SPS. Daripada jumlah tersebut, permohonan yang layak dipertimbangkan dan diluluskan oleh pegawai kes bagi SBA adalah sebanyak 1,544, iaitu 988 di PKMD SPU, 407 di PKMD SPT dan 149 di PKMD SPS. Selain itu, kes lanjutan semula yang diluluskan adalah sebanyak 3,989 iaitu 2,150 di PKMD SPU, 959 di PKMD SPT dan 880 di PKMD SPS. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**SENARAI PERMOHONAN YANG DITERIMA, LAYAK, KES LANJUTAN YANG**  
**DILULUSKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

TAHUN	PERMOHONAN BANTUAN KEWANGAN DITERIMA			PERMOHONAN YANG LAYAK DAN DILULUSKAN SBA			KES LANJUTAN YANG DILULUSKAN		
	SPU	SPT	SPS	SPU	SPT	SPS	SPU	SPT	SPS
2015	1,722	1,263	706	244	121	28	559	293	236
2016	1,801	1,259	763	189	96	32	503	254	235
2017	1,936	1,074	794	374	94	47	474	212	222
2018	1,646	1,129	900	181	96	42	614	200	187
<b>JUMLAH</b>	<b>7,105</b>	<b>4,725</b>	<b>3,163</b>	<b>988</b>	<b>407</b>	<b>149</b>	<b>2,150</b>	<b>959</b>	<b>880</b>
		<b>14,993</b>			<b>1,544</b>			<b>3,989</b>	

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

## ii. Tempoh Pemprosesan dan Kelulusan Permohonan

- Permohonan Baru**

Semakan Audit telah dijalankan terhadap 350 (22.7%) daripada 1,544 fail permohonan SBA yang telah diluluskan, iaitu sebanyak 200 fail di PKMD SPU, 100 fail di PKMD SPT dan 50 fail di PKMD SPS. Semakan Audit mendapati kesemua permohonan SBA telah diproses, disiasat, diluluskan dan keputusan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh dokumen yang lengkap diterima oleh PKMD.

- Pelanjutan Bantuan**

- Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2018, bilangan penerima yang diluluskan pelanjutan bantuan SBA bagi tiga (3) daerah yang diaudit adalah seramai 3,989 orang. Sebanyak 2,150 orang diluluskan di PKMD SPU, 959 orang di PKMD SPT dan 880 orang di PKMD SPS. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 301 (7.5%) daripada 3,989 fail penerima SBA telah dipilih sebagai sampel untuk diaudit, iaitu sebanyak 211 fail di PKMD SPU, 55 fail di PKMD SPT dan 35 fail di PKMD SPS.
- Semakan yang dijalankan mendapati surat pemakluman awal berserta borang JKM 20 telah dihantar kepada penerima bantuan tiga (3) bulan sebelum tempoh kelulusan bantuan tamat. Semakan selanjutnya mendapati kesemua permohonan pelanjutan bantuan telah diproses dan diluluskan dalam masa satu (1) bulan dari tarikh permohonan pelanjutan bantuan diterima dengan lengkap.

- Semakan juga telah dijalankan terhadap data penerima SBA di sistem e-Bantuan. Bagaimanapun, sistem e-Bantuan tidak boleh menghasilkan laporan kekerapan pelanjutan SBA secara keseluruhan kerana data penerima SBA akan *overwrite* apabila pelanjutan SBA diluluskan. Dengan ini, semakan telah dijalankan terhadap data individu 301 penerima SBA dalam sistem e-Bantuan bagi menganalisis kekerapan kelulusan pelanjutan.
- Analisis Audit mendapati seramai 128 (42.5%) daripada 301 sampel penerima SBA menerima bantuan untuk tempoh satu (1) tahun sahaja. Ini menunjukkan SBA hanya bersifat sementara untuk membantu individu/keluarga yang tidak mampu dan berkeperluan sehingga dapat dipulihkan untuk hidup berdikari. Seramai 147 penerima SBA pula menerima bantuan antara dua (2) hingga lima (5) tahun. Analisis selanjutnya mendapati berlaku penurunan yang ketara selepas tempoh lima (5) tahun, iaitu seramai 26 penerima SBA sahaja yang masih menerima bantuan. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 12.**

**JADUAL 12**  
**KEKERAPAN PELANJUTAN SBA MENGIKUT KES**

KES	BILANGAN PENERIMA SBA					BIL. PENERIMA
	1 kali	2 - 5 kali	6 - 10 kali	11 - 15 kali	16 kali ke atas	
Masalah Kesihatan	49	81	7	3	1	141
Tidak Mampu Bekerja	4	4	0	0	1	9
Tiada Sumber Kewangan Tetap	67	51	9	2	0	129
Tanggungan Yang Ramai	8	11	2	0	1	22
<b>BIL. PENERIMA</b>	<b>128</b>	<b>147</b>	<b>18</b>	<b>5</b>	<b>3</b>	<b>301</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang

Nota:

- i. Masalah Kesihatan – penyakit kronik seperti kanser, jantung, buah pinggang, sakit jiwa
- ii. Tidak Mampu Bekerja – warga emas, menjaga ahli keluarga yang sakit, Orang Kurang Upaya
- iii. Tiada Sumber Kewangan Tetap – Berniaga secara kecil-kecilan, pendapatan isi rumah tidak menentu
- iv. Tanggungan Yang Ramai – Ibu/bapa tunggal

### Maklum balas JKMNPP yang diterima pada 13 Mac 2019

Sehingga kini JKMNPP masih mengekalkan Kertas Dasar Bantuan Am Negeri sedia ada dalam pengurusan SBA. Bagaimanapun usaha sedang dilaksanakan bagi pemurnian semula terhadap dasar tersebut merangkumi syarat, kelayakan dan proses kerja supaya lebih sesuai dan relevan dengan keadaan semasa dan pelaksanaannya di JKMNPP. Cadangan Bengkel Pemurnian Dasar Bantuan Kewangan Negeri dijadualkan pada April 2019. Bagi tujuan penambahbaikan,

JKMNPP mencadangkan dalam pemurnian Kertas Dasar Bantuan Kewangan Negeri supaya tidak menetapkan hanya Bank Simpanan Nasional (BSN) sahaja sebagai bank khas dalam urusan bayaran bantuan bagi mengelak kesulitan dan kelewatan bayaran bantuan dibuat kepada penerima bantuan. Selain daripada itu, usaha juga dilaksanakan agar setiap daerah diwujudkan PTJ bagi SBA.

**Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan SBA dan pelanjutan bantuan sedia ada adalah baik di mana telah diproses dan diluluskan mengikut tempoh yang ditetapkan.**

#### **6.2.4. Kadar Kelayakan Bantuan**

- a. Kertas Dasar Bantuan Am JKMNP Bil. 1340/2012 berkuatkuasa 1 Januari 2013 yang diluluskan dalam MMK Bil. 45/2012 bertarikh 5 Disember 2012 menyatakan, kadar SBA adalah antara RM220 hingga RM770 sebulan mengikut kelayakan penerima SBA. Amaun SBA yang diluluskan adalah berdasarkan kepada formula yang ditetapkan seperti berikut:

##### **Formula Pengiraan Kadar Bantuan Am**

Pendapatan sebulan isi rumah ÷ Bilangan isi rumah = Pendapatan per kapita

Contoh pengiraan :

$$\text{RM}1,500 \div 9 \text{ orang} = \text{RM}166$$

$$\text{Kekurangan : RM}220 - \text{RM}166 = \text{RM}54$$

$$\text{Kelayakan Bantuan : RM}54 \times 9 \text{ orang} = \textbf{RM}486 \text{ sebulan}$$

- b. Selain itu, JKMNP telah menggunakan sistem *myIDENTITY* yang diselenggara oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi menyemak status kewujudan penerima bantuan. Penggunaan sistem ini adalah bagi memastikan bayaran bantuan tidak dibayar kepada penerima yang telah meninggal dunia.
- c. Semakan Audit terhadap 651 sampel penerima SBA mendapati kesemua penerima SBA telah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dan bayaran telah dibuat mengikut kadar yang diluluskan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada pembayaran bantuan dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia.

**Pada pendapat Audit, SBA telah diuruskan dengan teratur dan tiada pembayaran dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia.**

### **6.3. Isu-Isu Pengurusan Lain**

6.3.1. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai JKMNPP bahawa terdapat kes kehilangan wang awam melibatkan wang bantuan kewangan berjumlah RM36,020 di PKMD Timur Laut. Pengauditan lanjut dilaksanakan disebabkan kehilangan wang awam tersebut turut melibatkan wang SBA berjumlah RM6,520 daripada RM36,020. Selain itu, pihak Audit juga dimaklumkan pegawai terlibat telah ditukarkan ke bahagian yang tidak terlibat dengan pengurusan wang bantuan kewangan berkuatkuasa mulai 15 Januari 2018. Bagaimanapun, tindakan tata tertib belum diambil terhadap pegawai terlibat. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

#### **a. Pengurusan Kehilangan Wang Awam**

- i. Berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.3 Para 2, tafsiran berkaitan ‘kehilangan’ bermaksud kehilangan wang awam yang disebabkan oleh kecurian, penipuan atau kecuaian pegawai, kebakaran, kemalangan, bencana alam, kekurangan, bayaran terlebih, pembayaran tanpa kuasa, hutang yang tidak boleh didapatkan balik, hasil tidak boleh didapatkan dan perbelanjaan yang sia-sia.
- ii. Semakan Audit mendapati JKMNPP telah mengesan kes kehilangan wang awam melibatkan wang bantuan berjumlah RM36,020 di PKMD Timur Laut pada 11 Disember 2017. Wang bantuan tersebut melibatkan peruntukan kerajaan negeri dan Persekutuan. Bayaran balik berjumlah RM36,020 telah dibuat oleh pegawai terlibat kepada JKMNPP. Bayaran balik ini melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM29,500 yang dibayar pada 1 Februari 2018. Bayaran balik yang melibatkan peruntukan kerajaan negeri berjumlah RM6,520 pula telah dibayar masing-masing pada 29 Disember 2017 berjumlah RM3,000 dan pada 16 Januari 2018 berjumlah RM3,520.

Kes kehilangan wang awam  
**RM36,020**

---

PKMD Timur Laut


---

Dikesan oleh JKMNPP pada 11 Disember 2017

---
- iii. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai JKMNPP bahawa pegawai terlibat telah menggunakan modus operandi berikut untuk menyalurkan wang bantuan kewangan JKMNPP ke akaun yang diwujudkan secara tidak sah:
  - meminta kad *Automated Teller Machine* (ATM) berserta nombor pengenalan peribadi (*PIN*) kad ATM dan buku akaun BSN daripada waris penerima bantuan kewangan yang telah meninggal dunia;

- mengaktifkan fail penerima bantuan kewangan yang telah ditamatkan dalam sistem e-Bantuan menggunakan ID pelulus;
  - membuat penukaran nombor akaun bank penerima bantuan yang diaktifkan semula kepada nombor akaun bank penerima bantuan kewangan yang telah meninggal dunia; dan
  - menyediakan penyata bayaran melalui bank dan dihantar ke JKMNPB bagi tujuan pembayaran.
- iv. Pembayaran telah dibuat menggunakan peruntukan JKMNPB dan pengauditan yang dijalankan mendapati tiada semakan pengesahan dibuat oleh JKMNPB bagi maklumat nama penerima, nombor kad pengenalan dan nombor akaun bank penerima bantuan kewangan di penyata bayaran. Carta alir pengeluaran wang bantuan kewangan secara tidak sah oleh pegawai terlibat adalah seperti dalam **Rajah 4**.

#### **RAJAH 4** **CARTA ALIR MODUS OPERANDI PENGETUARAN** **WANG BANTUAN KEWANGAN OLEH PEGAWAI TERLIBAT**



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang

- v. Berdasarkan Laporan Awal yang disediakan oleh Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) JKMNPB didapati kes kehilangan ini terjadi disebabkan kelemahan kawalan dalaman JKMNPB. Laporan tersebut menyatakan pegawai terlibat boleh mengaktifkan semula fail penerima bantuan kewangan yang telah berpindah/ditamatkan bantuan kewangan dengan menggunakan ID pelulus.
- vi. Ujian *walk through* yang dijalankan oleh pihak Audit terhadap sistem e-Bantuan mendapati kes penerima bantuan yang telah ditamatkan boleh diaktifkan/diluluskan semula dengan menggunakan ID pelulus seperti dalam **Gambar 6**.

**GAMBAR 6**

Negeri:	PULAU PINANG
Daerah:	TAJUH LAUT
Mukim:	MURUM 14 (BUNK PIAVA-TERLUBONG)
Skin Bantuan:	Skin Berkenan Penjawat
Jenis Bantuan:	Bantuan Orang Tua
Sub-Jenis:	-Tidak-
Kategori Penenerima:	-Tidak-
Region:	-Seri-
Papar Jejak Audit Syarikat Bantuan	
<b>Status Bantuan</b>	
Jenis Kes:	Lenggut
Status Bantuan:	Diterimakan
Selaku Diterimakan:	-Lain-lain-
Tarikh Keputusan:	14-03-2019
Bulan Tamat:	April 2019
Bilangan Kaji Semula Dibuat:	1
Pegawai Penyiasat:	AFZARUL NAIM BIN AHMAD
<input type="button" value="Tukar Pegawai Penyiasat"/> <input type="button" value="Batalkan Keputusan"/> <input type="button" value="Mansuh Kes"/>	

Sistem e-Bantuan Yang Membenarkan Kes Penerima Bantuan Yang Telah Ditamatkan Boleh Diaktifkan/Diluluskan Semula  
(20.03.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang)

**"Batalkan Keputusan"**  
 Penerima bantuan yang telah ditamatkan SBA boleh diluluskan/diaktifkan semula dengan menggunakan ID Pelulus

vii. Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) JKMNP telah merampas sebanyak 126 kad ATM BSN milik penerima bantuan yang telah meninggal atau berpindah ke luar daerah daripada pegawai terlibat. Kad-kad yang dirampas semasa siasatan dijalankan adalah seperti dalam **Gambar 7**. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kesemua kad ATM tersebut telah digunakan oleh pegawai terlibat bagi tujuan mengambil secara tidak sah wang JKMNP melalui pembayaran wang bantuan kewangan.



**GAMBAR 7**

126 Kad ATM BSN Milik Penerima Bantuan yang Dirampas daripada Pegawai Terlibat  
(29.10.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang)

viii. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat pada 14 Februari 2018. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (KPKM) telah bersetuju dengan laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Penyiasat. KPKM mendapati berlaku pelanggaran tatatertib dan pegawai terlibat layak untuk diambil tindakan selanjutnya. Bagaimanapun sehingga bulan Ogos 2019, tindakan masih belum diambil terhadap pegawai terlibat.

ix. Lanjutan daripada penemuan kes kehilangan wang yang dikesan oleh JKMNPP, semakan Audit telah dijalankan secara terperinci terhadap 12 akaun BSN penerima bantuan kewangan yang telah meninggal dunia. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 10 akaun telah digunakan bagi tujuan mengambil secara tidak sah wang bantuan kewangan JKMNPP. Wang tersebut seterusnya telah dipindahkan ke dalam dua (2) akaun BSN yang lain bagi tujuan pengeluaran wang. Semak silang antara 12 penyata akaun BSN dengan data sistem e-Bantuan mendapati berlaku transaksi berjumlah RM107,370 selepas tarikh kematian pemiliknya seperti dalam **Jadual 13**. Susulan daripada penemuan Audit tersebut, JKMNPP telah buat semakan semula dan mengesahkan jumlah transaksi adalah RM109,570 yang melibatkan 13 penyata akaun BSN. Jumlah ini adalah termasuk transaksi RM36,020 yang dikesan oleh JKMNPP sebelum ini. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 13**.



Jumlah kehilangan  
wang awam  
**RM109,570**

Dikesan oleh pihak  
Audit dan JKMNPP

Melibatkan 13  
penyata akaun  
akaun BSN

**JADUAL 13**  
**BANTUAN KEWANGAN YANG MASIH DIBAYAR KEPADA PEMILIK AKAUN  
YANG TELAH MENINGGAL DUNIA**

BIL.	NO. FAIL RUJUKAN	TARIKH MENINGGAL DUNIA	TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
1.	PKMD.PP.04/EB600/04/8/(0844-2010)	17.02.2014	Mac 2014 - Okt 2014	12,000
			Mei 2015 – Jan 2016	
			Mac 2016 – Apr 2016	
			Jun 2016 – Mei 2017	
			Jul 2017 – Okt 2017	
2.	PKMD.PP.04/600/04/8/(0022/2014)	03.06.2014	Jul 2014 – Sep 2015	12,100
			Nov 2015 – Apr 2016	
			Jun 2016 – Mei 2017	
			Jul 2017 – Nov 2017	
3.	PKMD.PP.04/600/04/8/(0417/2013)	13.11.2014	Dis 2014 – Apr 2016	13,800
			Jun 2016 – Dis 2017	
4.	PKMD.PP.04/600/04/8/(0076/2014)	30.05.2016	Jun 2016	3,670
			Feb 2017 – Ogos 2017	
			Okt 2017 – Nov 2017	
5.	PKMD.PP.04/600/04/8-021/2011	04.05.2015	Jun 2015 – Sep 2015	9,100
			Nov 2015 – Dis 2016	
			Feb 2017 – Dis 2017	
6.	PKMD.PP.04/600/04/8/(0018/2013)	05.09.2015	Nov 2015 – Mei 2017	7,550
			Jul 2017 – Dis 2017	
7.	PKMD.PP.04/600/04/8-266/2009	06.04.2014	Mei 2014 – Dis 2014	11,700
			Jun 2015 – Dis 2017	

BIL.	NO. FAIL RUJUKAN	TARIKH MENINGGAL DUNIA	TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
8.	PKMD.PP.04/600/04/8/95-2007	03.04.2015	Mei 2015 – Mei 2017	9,350
			Jul 2017 – Dis 2017	
9.	PKMD.PP.04/600/04/8/(0010/2012)	03.05.2014	Jun 2014 – Dis 2014	11,750
			Mei 2015 – Dis 2017	
10.	PKMD.PP.04/600/04/8/(0184/2014)	28.07.2015	Ogo 2015 – Sep 2015	5,750
			Jul 2016 – Okt 2017	
11.	PKMD.PP.04/600/04/8-851/2009	03.01.2015	Jun 2015 – Dis 2017	9,350
12.	PKMD.PP.04/600/04/8/(0090/2014)	28.06.2017	Sep 2017 – Dis 2017	1,250
<b>JUMLAH</b>				<b>107,370</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang

### **Maklum balas JKMNPP yang diterima pada 13 Mac 2019 dan 20 Jun 2019**

Tarikh kutipan RM3,000 dibuat pada 28 November 2017 dan wang tersebut dimasukkan dalam Akaun Bendahari Negeri pada 29 Disember 2017. Jabatan mengakui tiada pengesahan dibuat menyatakan wang yang diberikan adalah daripada pemilik akaun yang sebenar. Namun, jabatan dapat mengesahkan bahawa bayaran balik ini dibuat selepas naziran pengurusan bantuan dibuat pada bulan Disember 2017 dan kes fail PKMD.PP/04/600/04/1/00(41-2014) ditemui. Bagi kes melibatkan kehilangan wang awam berjumlah RM33,020 adalah melibatkan RM29,500 bantuan Persekutuan dan RM3,520 bantuan negeri. Pegawai terlibat telah memulangkan RM33,020 dan Surat Akuan Penerimaan bayaran adalah bertarikh 8 Januari 2018. Resit bagi bayaran balik RM29,500 adalah bertarikh 1 Februari 2018 dan RM3,520 bertarikh 16 Januari 2018. Maklum balas lisan pegawai terlibat, wang tersebut diperoleh melalui pinjaman dari ahli keluarga.

JKMNPP telah menyediakan senarai 126 keping kad ATM. JKMNPp telah membuat pengesahan dengan BSN ke atas 126 keping kad ATM dan sehingga kini BSN telah memberikan pengesahan bagi 40 kad ATM sahaja. Manakala, baki 86 kad ATM akan disahkan oleh BSN secara berperingkat. JKMNPp telah membuat semakan semula terhadap penemuan terbaru hasil semakan Audit di mana terdapat transaksi wang masuk berjumlah RM107,370. JKMNPp mendapati sejumlah 13 akaun telah digunakan bagi tujuan pembayaran bantuan melibatkan 19 kes. Secara keseluruhan, JKMNPp mengesahkan jumlah wang bantuan yang terlibat adalah berjumlah RM109,570. Daripada jumlah tersebut, pegawai terlibat telah mengembalikan sejumlah RM36,020 sahaja iaitu jumlah kehilangan yang dikesan oleh JKMNPp manakala baki berjumlah RM73,550 belum dibayar.

**b. Kelewatan Penyediaan Laporan Kehilangan Wang Awam**

- i. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.3 menetapkan peraturan mengenai pengurusan kehilangan wang awam seperti berikut:
  - kehilangan perlu dilaporkan dalam tempoh 24 jam kepada pihak polis dari masa kehilangan diketahui;
  - Laporan Awal hendaklah disediakan secepat mungkin dan apa-apa hal pun, tidak lewat daripada lima (5) hari bekerja;
  - Laporan Awal dan Laporan Polis dikemukakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan disalinkan kepada Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara;
  - Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh Laporan Awal ditandatangani; dan
  - Jawatankuasa Penyiasat bertanggungjawab menyediakan Laporan Akhir dan mengemukakannya kepada Pegawai Pengawal dalam tempoh kurang daripada dua (2) bulan dari tarikh Laporan Awal disediakan.
- ii. Semakan Audit mendapati laporan polis telah dibuat pada 4 Januari 2018 bagi tujuan siasatan dalaman. Bagaimanapun, laporan polis ini lewat 23 hari dari tarikh kehilangan dikesan, iaitu pada 11 Disember 2017. JKSD telah ditubuhkan oleh Pengarah JKMNPP dan laporan siasatan telah disiapkan pada 10 Januari 2018. Manakala Laporan Awal telah disediakan pada 15 Januari 2018 dan dihantar ke Ibu Pejabat JKMM pada 16 Januari 2018. Bagaimanapun, salinan Laporan Awal tidak dihantar kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- iii. Ibu pejabat JKMM telah membuat lantikan ahli Jawatankuasa Penyiasat pada 14 Februari 2018 dan siasatan telah dilaksanakan di JKMNPP dan PKMD Timur Laut pada 23 hingga 25 Februari 2018. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada Laporan Akhir yang lengkap dengan syor dan ulasan Pegawai Pengawal disediakan sehingga tarikh pengauditan dijalankan. Kelewatan ini telah menyebabkan tindakan sewajarnya masih belum diambil terhadap pegawai terlibat.
- iv. Adalah didapati kes kehilangan wang awam ini tidak diuruskan mengikut peraturan yang ditetapkan. Butirannya seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**KELEWATAN PENYEDIAAN LAPORAN KEHILANGAN WANG AWAM**

BIL.	KRITERIA		PENEMUAN AUDIT	
	PERIHAL	TARIKH SEPATUTNYA	TARIKH SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
1.	Laporan Polis	12.12.2017	04.01.2018	23
2.	Laporan Awal	16.12.2017	16.01.2018	31
3.	Pelantikan Jawatankuasa Penyiasat	30.01.2018	14.02.2018	15

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang

**Maklum balas JKMNPP yang diterima pada 13 Mac 2019 dan 12 November 2019**

JKMNPP telah menyediakan Lampiran J Laporan Awal mengenai kehilangan dan hapus kira wang awam berdasarkan 1PP WP 10.3 dan telah menghantar ke Ibu Pejabat JKMM. JKMNPP mengakui bahawa laporan tersebut tidak dihantar kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Akauntan Negara, Ketua Audit Negara dan wakil tempatan Ketua Audit Negara. Kes seumpama ini merupakan pengalaman pertama dan JKMNPP tidak berhasrat untuk menutup kes tersebut serta tidak akan berkompromi sama sekali dalam kes ini. JKMNPP telah menyediakan Lampiran J Laporan Awal dan telah menghantar kepada Ibu Pejabat JKMM pada 16 Januari 2018. Laporan yang dihantar pada 15 Mei 2018 adalah maklumat tambahan seperti yang dimohon oleh pihak Ibu Pejabat.

Laporan Akhir telah disediakan oleh Jawatankuasa Penyiasat yang dilantik oleh Ketua Pengarah JKMN bertarikh 24 Mei 2018. Laporan tersebut telah dikemukakan kepada Pengarah JKMNPP melalui surat bertarikh 28 Mac 2019. JKMNPP telah mengadakan Mesyuarat Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No. 2) kes kehilangan wang bantuan di PKMD Timur Laut bertarikh 3 April 2019. Lembaga Tatatertib telah sebulat suara bersetuju pegawai terlibat dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat. Namun demikian, tindakan ini telah ditangguhkan kerana semakan JKMN dan Unit Integriti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 9 April 2019 yang menyatakan bahawa kertas tindakan tatatertib perlu disediakan selepas Jawatankuasa Siasatan telah membuat semakan kes kehilangan wang awam berjumlah RM107,370 bagi mengelakkan hukuman dua (2) kali dikenakan kepada pegawai terlibat.

KPWKM telah menubuhkan satu (1) lagi Jawatankuasa Siasatan yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha KPWKM melalui surat bertarikh 10 April 2019. Jawatankuasa Siasatan KPWKM telah mula menjalankan siasatan pada 18 April 2019 di Ibu Pejabat

JKMNPP dan pada 19 April 2019 di PKMD Timur Laut. Siasatan lanjut turut dijalankan pada 29 dan 30 April 2019.

Laporan Jawatankuasa Siasatan Kehilangan Wang Awam di PKMD Timur Laut telah dikemukakan oleh KPWKM kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia melalui surat bertarikh 15 Mei 2019. Sehingga kini, JKMNPP masih belum menerima sebarang maklumbalas berkaitan siasatan tersebut.

**Pada pendapat Audit, pengurusan kehilangan wang awam adalah tidak cekap kerana kelewatan JKMNPP menguruskan kehilangan ini menyebabkan tindakan sewajarnya masih belum diambil terhadap pegawai terlibat. Selain itu, kawalan dalaman terhadap ID pelulus sistem e-Bantuan, kata laluan dan pembayaran wang bantuan kewangan adalah tidak cekap. Sistem e-Bantuan membenarkan kes penerima bantuan yang telah ditamatkan boleh diaktifkan/diluluskan semula dengan menggunakan ID pelulus dan terdapat pembayaran kepada akaun penerima bantuan yang telah meninggal dunia.**

## **7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa pengurusan Skim Bantuan Am telah dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang telah ditetapkan bagi tiga (3) pejabat PKMD yang dipilih sebagai sampel Audit. Bagaimanapun, prestasi *outcome* SBA kurang berkesan kerana terdapat peserta 2YEP yang belum mampu berdikari dan masih menerima SBA. Selain itu, terdapat kelemahan kawalan dalaman serta pengurusan wang bantuan di PKMD Timur Laut yang menyebabkan kehilangan wang awam berjumlah RM109,570 yang dikesan oleh pihak Audit dan JKMNPP.

## **8. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif SBA dapat dicapai, adalah disyorkan supaya JKMNPP mengambil tindakan seperti berikut:

8.1. penambahbaikan terhadap pelaksanaan dan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan program ini mencapai objektif yang ditetapkan. Selain itu, bimbingan dan pemantauan yang berterusan juga perlu

dijalankan terhadap peserta yang telah berjaya keluar dari PGK. Ini bertujuan memastikan projek yang dijalankan berdaya maju dan peserta tidak kembali menjadi penerima SBA; dan

8.2. pemeriksaan secara menyeluruh perlu dijalankan bagi memastikan tidak berlaku lagi kes penyelewengan wang bantuan di mana-mana PKMD. Pihak JKMNPP juga perlu menambah baik prosedur pengurusan wang bantuan termasuk kawalan dalaman terhadap sistem e-Bantuan.



**2**

## **MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

- As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.



## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG  
AS-SAHABAH URUS ZAKAT SDN. BHD.**

### **Perkara Utama**

#### **Apa yang diaudit?**

- Pengauditan melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat bagi tahun 2015 hingga 2018. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2016, 2017 dan 2018.
- Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap aktiviti kutipan dan agihan zakat yang dilaksanakan pada tahun 2015 hingga bulan Disember 2018.
- Dua (2) bidang utama Audit yang dinilai bagi pengauditan pengurusan aktiviti adalah prestasi dan pelaksanaan aktiviti kutipan dan agihan zakat.
- Bagi prestasi aktiviti, empat (4) perkara dinilai iaitu program promosi dan pemasaran, kutipan zakat, agihan zakat dan lebihan wang zakat.
- Manakala tiga (3) perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti adalah kutipan zakat melalui potongan gaji, program bantuan bina rumah dan program latihan keusahawanan.

#### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan dijalankan untuk menilai amalan tadbir urus adalah baik, pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan serta kedudukan kewangan ASUZ adalah kukuh.

#### **Apa yang ditemui Audit?**

- Tadbir urus korporat ASUZ adalah kurang memuaskan. Terdapat keperluan untuk mempermudahkan fungsi dan keberkesanannya dalam amalan terbaik mengenai peranan dan tanggungjawab Pengurus, Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit serta penubuhan Audit Dalaman.
- Kutipan zakat dan agihan zakat:
  - Sebanyak 4,027 program promosi dan pemasaran telah dilaksanakan bagi meningkatkan kutipan zakat untuk tempoh tahun 2015 hingga 2018.
  - Kutipan zakat meningkat setiap tahun dan telah mencapai sasaran kutipan tahunan iaitu RM100 juta yang ditetapkan. Pada tahun 2017, kutipan zakat adalah berjumlah RM101.45 juta dan pada tahun 2018 berjumlah RM119.73 juta.

- Pengagihan zakat pula menunjukkan trend penurunan pada tahun 2015 hingga 2017 tetapi meningkat pada tahun 2018. Pengagihan zakat berjumlah RM101.37 juta pada tahun 2015, RM100.96 juta pada tahun 2016, RM99.78 juta pada tahun 2017 dan RM101.01 juta pada tahun 2018. Agihan zakat mencapai 90.3% hingga 99.5% daripada peruntukan yang diluluskan.
  - Sebanyak 15 program agihan zakat berjumlah RM14.02 juta telah dilaksanakan tanpa peruntukan dan 145 program dilaksanakan melebihi peruntukan diluluskan sejumlah RM32.12 juta.
  - Lebihan wang zakat terkumpul menunjukkan peningkatan daripada RM64.82 juta pada tahun 2016 kepada RM68.01 juta pada tahun 2017 dan seterusnya kepada RM89.12 juta pada tahun 2018.
- Pelaksanaan aktiviti kutipan dan agihan zakat:
- Aktiviti kutipan zakat melalui potongan gaji adalah cekap di mana terdapat peningkatan bilangan majikan yang menguruskan bayaran zakat melalui potongan gaji. Perkara ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat.
  - Aktiviti agihan zakat melalui program bantuan bina rumah telah berjaya membantu golongan asnaf mendapat kediaman yang lebih selesa. Bagaimanapun, pembinaan rumah bantuan masih belum dilaksanakan bagi enam (6) permohonan yang telah diluluskan pada tahun 2016 dan 2017. Selain itu, berlaku kelewatan pembinaan rumah bantuan antara 76 hingga 610 hari melibatkan enam (6) rumah.
  - Aktiviti agihan zakat melalui program latihan keusahawanan (*Zakat Mart*) tidak menunjukkan prestasi yang baik. *Zakat Mart* mengalami kurangan pendapatan yang dicatatkan secara berterusan dari tahun 2015 hingga 2018.
- Kedudukan kewangan ASUZ adalah kukuh di mana syarikat telah merekodkan peningkatan keuntungan sebelum cukai dan keuntungan terkumpul bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut dari tahun 2016 hingga 2018. Tahap kecairan dan kestabilan juga kukuh dan syarikat berupaya untuk menyelesaikan liabiliti jangka panjang dan jangka pendek serta mampu membiayai aktiviti yang dirancang. Pada akhir tahun 2018, baki tunai dan kesetaraan tunai ASUZ berjumlah RM11 juta.

## MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

### 2. AS-SAHABAH URUS ZAKAT SDN. BHD.

#### FAKTA UTAMA

**100%**

Milikan penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)

**RM410.81 juta**

Kutipan zakat dari tahun 2015 hingga 2018

**RM403.12 juta**

Agihan zakat dari tahun 2015 hingga 2018

**Untung Sebelum Cukai**

2016 **RM2.73 juta**

2017 **RM3.38 juta**

2018 **RM4.63 juta**

**1999**

Kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang diperkenalkan

**Aktiviti Utama**

Kutipan zakat dilaksanakan melalui pelbagai kaedah antaranya secara potongan gaji, pembayaran di kaunter zakat dan *internet banking*.

Agihan zakat kepada tujuh (7) asnaf antaranya melalui program bantuan kewangan bulanan, bantuan makanan bulanan, bantuan bencana alam, bantuan bina rumah, bantuan perubatan dan latihan keusahawanan.

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZ) telah ditubuhkan pada 1 Jun 1994 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal berbayar berjumlah RM1.02 juta. ASUZ merupakan syarikat berhad menurut syer milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Objektif penubuhan ASUZ adalah untuk menjalankan aktiviti kutipan zakat. ASUZ telah dilantik oleh MAINPP sebagai Amil berkuat kuasa mulai 9 Ogos 1994. Selaras dengan keputusan Muzakarah Pemantapan Sistem Agihan Zakat MAINPP pada bulan April 1997, ASUZ telah dipertanggungjawabkan oleh MAINPP untuk melaksanakan pengurusan kutipan dan agihan zakat bagi Negeri Pulau Pinang mulai tahun 1999. Misi ASUZ ialah untuk menyedar dan mendidik umat Islam untuk menuai kewajipan berzakat di samping menguruskan dana zakat dengan adil, cekap, telus dan berkesan.

1.2. ASUZ melaksanakan dua (2) aktiviti utama iaitu kutipan dan agihan zakat. Aktiviti kutipan zakat dijalankan dari semasa ke semasa terhadap pembayar zakat sedia ada dan yang baharu melalui program promosi dan pemasaran yang dijalankan. Manakala aktiviti agihan zakat pula dilaksanakan melalui pelbagai program agihan kepada golongan asnaf yang layak. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, kutipan zakat adalah berjumlah RM410.81 juta dan agihan zakat berjumlah RM403.12 juta.

1.3. Pengauditan terhadap ASUZ pernah dijalankan pada tahun 2012. Penemuan yang telah dibangkitkan adalah pelaburan di institusi kewangan yang tidak diluluskan, pemasangan *billboard* tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan, *Standard Operating Procedures*, proses kerja dan perancangan strategik tidak disediakan serta prosedur pengurusan aset tidak dipatuhi.

## **2. OBJKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai amalan tadbir urus adalah baik, pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan serta kedudukan kewangan ASUZ adalah kukuh.

## **3. SKOP PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan ini melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat bagi tahun 2015 hingga 2018. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2016, 2017 dan 2018. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap aktiviti kutipan dan agihan zakat yang dilaksanakan pada tahun 2015 hingga bulan Disember 2018. Berdasarkan penilaian risiko, pemilihan dua (2) aktiviti tersebut adalah aktiviti utama syarikat yang boleh dinilai pencapaian objektif dan prestasinya.

3.2. Dua (2) bidang utama Audit yang dinilai bagi pengauditan pengurusan aktiviti adalah prestasi dan pelaksanaan aktiviti kutipan dan agihan zakat. Bagi prestasi aktiviti, empat (4) perkara dinilai iaitu program promosi dan pemasaran, kutipan zakat, agihan zakat dan lebihan wang zakat. Manakala tiga (3) perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti adalah kutipan zakat melalui potongan gaji, program bantuan bina rumah dan program latihan keusahawanan.

## **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan ASUZ serta menganalisis data berkaitan. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan ASUZ yang telah diaudit oleh Tetuan Norhashimah & Partners. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan dan analisis aliran tunai. Lawatan dan pemeriksaan fizikal Audit telah

dijalankan antara bulan Disember 2018 sehingga Januari 2019 ke lokasi program latihan keusahawanan dan program bantuan bina rumah. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Bagi pencapaian kewangan aktiviti kutipan dan agihan zakat, penilaian Audit adalah berdasarkan Laporan Utama Kutipan Zakat dan Laporan Utama Agihan Zakat yang dikemukakan oleh ASUZ.

## **5. RUMUSAN AUDIT**

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2018 hingga Januari 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

### **a. Tadbir Urus Korporat**

Secara keseluruhannya, tadbir urus korporat ASUZ adalah kurang memuaskan. Terdapat keperluan untuk mempermaksa fungsi dan keberkesanan dalam amalan terbaik mengenai peranan dan tanggungjawab Pengerusi, Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit serta penubuhan Audit Dalaman.

### **b. Pengurusan Aktiviti**

#### **i. Prestasi Aktiviti**

Secara keseluruhannya, kutipan zakat meningkat setiap tahun dan telah mencapai sasaran kutipan tahunan iaitu RM100 juta yang ditetapkan. Sebanyak 4,027 program promosi dan pemasaran telah dilaksanakan bagi meningkatkan kutipan zakat untuk tempoh tahun 2015 hingga 2018. Pada tahun 2017, kutipan zakat adalah berjumlah RM101.45 juta (101.5%) dan pada tahun 2018 berjumlah RM119.73 juta (119.7%). Pengagihan zakat pula menunjukkan trend penurunan pada tahun 2015 hingga 2017 tetapi meningkat pada tahun 2018. Pengagihan zakat berjumlah RM101.37 juta pada tahun 2015, RM100.96 juta (2016), RM99.78 juta (2017) dan berjumlah RM101.01 juta (2018). Agihan zakat ini telah mencapai 90.3% hingga 99.5% daripada peruntukan yang diluluskan. Lebihan wang zakat terkumpul menunjukkan peningkatan daripada RM64.82 juta pada tahun 2016 kepada RM68.01 juta pada tahun 2017 dan seterusnya kepada RM89.12 juta pada tahun 2018.

## **ii. Pelaksanaan Aktiviti**

Secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti kutipan zakat melalui potongan gaji adalah cekap di mana terdapat peningkatan bilangan majikan yang menguruskan bayaran zakat melalui potongan gaji. Perkara ini menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat. Aktiviti agihan zakat melalui program bantuan bina rumah telah berjaya membantu golongan asnaf mendapat kediaman yang lebih selesa. Bagaimanapun, program latihan keusahawanan (*Zakat Mart*) tidak menunjukkan prestasi yang baik. *Zakat Mart* mengalami kurangan pendapatan yang dicatatkan secara berterusan dari tahun 2015 hingga 2018.

### **c. Kedudukan Kewangan**

Kedudukan kewangan ASUZ adalah kukuh di mana syarikat telah merekodkan peningkatan keuntungan sebelum cukai dan keuntungan terkumpul bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut dari tahun 2016 hingga 2018. Tahap kecairan dan kestabilan juga kukuh dan syarikat berupaya untuk menyelesaikan liabiliti jangka panjang dan jangka pendek serta mampu membiayai aktiviti yang dirancang. Pada akhir tahun 2018, baki tunai dan kesetaraan tunai ASUZ berjumlah RM11 juta.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:

- a. Sebanyak 15 program agihan zakat berjumlah RM14.02 juta telah dilaksanakan tanpa peruntukan dan 145 program dilaksanakan melebihi peruntukan yang diluluskan sejumlah RM32.12 juta;
- b. Lebihan wang zakat terkumpul menunjukkan peningkatan daripada RM64.82 juta pada tahun 2016 kepada RM68.01 juta pada tahun 2017 dan seterusnya kepada RM89.12 juta pada tahun 2018;
- c. Pembinaan rumah bantuan masih belum dilaksanakan bagi enam (6) permohonan yang telah diluluskan pada tahun 2016 dan 2017. Selain itu, berlaku kelewatan pembinaan rumah bantuan antara 76 hingga 610 hari yang melibatkan enam (6) rumah; dan
- d. Program latihan keusahawanan (*Zakat Mart*) telah mengalami kurangan pendapatan berjumlah RM0.90 juta bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018.

## **6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Perkara yang ditemui dan maklum balas ASUZ telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 8 April 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

### **6.1. Tadbir Urus Korporat**

6.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat kerajaan di bawah MAINPP, pengurusan ASUZ perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Memorandum dan Artikel (M&A) penubuhan syarikat, *Standard Operating Procedures* (SOP) serta peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Selain itu, Setiausaha Syarikat perlu memainkan peranan membimbing, memberi panduan dan nasihat berkaitan peraturan dan peruntukan yang termaktub bagi sesuatu syarikat kepada ahli Lembaga Pengarah.

6.1.2. Pengurusan ASUZ diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Bilangan perjawatan sehingga 31 Disember 2018 adalah seramai 81 orang yang mana 78 (96.3%) jawatan telah diisi. Tiga (3) jawatan masih kosong disebabkan pegawai telah berhenti kerja dan pengambilan baharu masih belum dibuat. ASUZ mempunyai sembilan (9) bahagian utama yang mana tujuh (7) bahagian diketuai oleh ketua bahagian. Dua (2) bahagian lagi masing-masing diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan Operasi Kutipan dan Pemasaran serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat. Terdapat tiga (3) bahagian di bawah Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat serta lima (5) bahagian di bawah Jabatan Operasi Kutipan dan Pemasaran. Carta organisasi ASUZ pada 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Carta 1** manakala peranan setiap bahagian adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**CARTA 1**  
**CARTA ORGANISASI**  
**AS-SAHABAH URUS ZAKAT SDN. BHD. PADA 31 DISEMBER 2018**



Sumber: Carta Organisasi ASUZ

**JADUAL 1**  
**BAHAGIAN/JABATAN DAN PERANAN**

NAMA BAHAGIAN/JABATAN	FUNGSI/PERANAN
Jabatan Operasi Kutipan dan Pemasaran	Bertanggungjawab menjalankan aktiviti kempen dakwah zakat dan kutipan zakat harta.
Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat	Bertanggungjawab menjalankan aktiviti agihan zakat mengikut jenis bantuan yang telah ditetapkan.
Jabatan Kewangan dan Perakaunan	Memastikan hasil dan perbelanjaan diperakaunkan dengan betul dan tepat.
Bahagian Pengurusan Aset dan Perolehan	Menguruskan aset pejabat dan permohonan pembelian daripada setiap bahagian.
Bahagian Santuni Pelanggan Zakat Kaunter Kutipan dan Agihan	Memberi perkhidmatan dan layanan sebaik mungkin kepada penerima dan pembayar zakat.
Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Memberi khidmat sokongan kepada semua kakitangan dalam aspek pengurusan, perjawatan dan pembangunan sumber manusia.
Bahagian Perhubungan Korporat, Promosi, Media dan Arkib	Mempromosikan aktiviti yang dijalankan.
Jabatan Teknologi Maklumat	Memberi khidmat sokongan ICT.
Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan, Analisa dan Statistik	Menjalankan penyelidikan bagi memantapkan pengurusan kutipan dan agihan zakat.

Sumber: Carta Fungsi ASUZ

6.1.3. Berdasarkan Memorandum dan Artikel (M&A) penubuhan syarikat, Lembaga Pengarah perlu dianggotai sekurang-kurangnya dua (2) dan tidak lebih 15 ahli Lembaga Pengarah. Setakat 31 Disember 2018, ASUZ mempunyai seramai 11 ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan 10 ahli Lembaga Pengarah termasuk Mufti Negeri Pulau Pinang. Lembaga Pengarah yang dilantik mempunyai kelayakan dalam bidang syariah, pengurusan atau kewangan. Komposisi Lembaga Pengarah ASUZ terdiri daripada 10 orang pengarah berstatus bebas dan seorang lagi bukan berstatus bebas.

6.1.4. Semakan Audit mendapati ASUZ telah mengamalkan satu (1) daripada lapan (8) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu mengenai fungsi dan peranan Pegawai Eksekutif. Tujuh (7) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat yang lain didapati tidak diamalkan sepenuhnya iaitu mengenai peranan dan tanggungjawab Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Jawatankuasa Audit serta penubuhan Audit Dalaman. Selain itu, terdapat kelemahan dalam penyediaan *Standard Operating Procedures* (SOP) serta Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh ASUZ adalah seperti penemuan Audit berikut:

#### a. Pengerusi

Seksyen 211 Akta Syarikat 2016, MCCG 2017 *Guidance* 1.3 dan *Green Book* Perenggan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab pengerusi hendaklah dinyatakan secara jelas dalam Piagam Lembaga Pengarah (*board charter*). Semakan Audit mendapati Piagam Lembaga Pengarah (*board charter*) tidak diwujudkan dan peranan serta tanggungjawab pengerusi tidak dinyatakan dengan jelas. Perkara ini disebabkan ASUZ tidak peka dengan keperluan untuk menyediakan piagam tersebut.

**Pada pendapat Audit, ketiadaan Piagam Lembaga Pengarah (*board charter*) mengakibatkan peranan, tanggungjawab dan had kuasa Lembaga Pengarah khususnya Pengerusi dalam hal ehwal pengurusan ASUZ tidak dapat ditentukan dengan jelas.**

#### b. Lembaga Pengarah

- i. Mengikut MCCG 2017 *Practice* 3.1, Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat. Kod etika ini

berperanan mewujudkan piawaian tingkah laku etika bagi pengarah dalam mendukung semangat tanggungjawab dan kebertanggungjawaban, sejajar dengan perundangan, peraturan dan garis panduan syarikat. Semakan Audit mendapati Kod Tatalaku dan Etika belum disediakan disebabkan ASUZ tidak peka dengan keperluan untuk menyediakannya.

- ii. Mengikut Seksyen 213 Akta Syarikat 2016, Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam melaksanakan tanggungjawabnya. *Green Book* Perenggan 1.4.4 menghendaki Lembaga Pengarah mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat.
- iii. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, ASUZ tidak menyediakan perancangan dan peruntukan dalam bajet tahunan untuk tujuan latihan/kursus kepada ahli Lembaga Pengarah. Semakan selanjutnya mendapati bagi tempoh yang sama, tiada rekod menunjukkan ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri latihan/kursus berkaitan tadbir urus dan operasi syarikat. Ketiadaan akses pembelajaran yang berterusan boleh menjelaskan prestasi Lembaga Pengarah dalam memberi khidmat nasihat berkaitan operasi syarikat dan menilai prestasi syarikat bagi mengembangkan lagi perniagaan.
- iv. Mengikut MKD *Handbook* Perenggan 2.5(d), semua keputusan perniagaan yang material/signifikan dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan bukan secara Resolusi Lembaga Pengarah (DCR). Semakan Audit mendapati tiga (3) keputusan telah dibuat melalui Resolusi Lembaga Pengarah (DCR) seperti berikut:
  - Pelantikan pembekal bagi penukaran baucar bantuan pakaian seragam sekolah mengikut daerah melalui kaedah lantikan terus pembekal di bawah skim bantuan pakaian seragam sekolah;
  - Pelantikan pembekal bagi penukaran baucar bantuan pakaian seragam sekolah peringkat kedua mengikut daerah melalui kaedah lantikan terus pembekal di bawah skim bantuan pakaian seragam sekolah; dan
  - Pengiklanan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang.

### **Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019, 15 April 2019 dan 23 Oktober 2019**

Pengurusan ASUZ akan menyediakan draf piagam Lembaga Pengarah dan Kod Tatalaku dan Etika telah dibentang dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 16 Oktober 2019. Pihak Pengurusan juga akan meneliti program pembelajaran yang sesuai untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks seperti mana disarankan oleh pihak Audit. ASUZ juga mengambil maklum saranan yang diberikan berkaitan resolusi dan akan memastikan perkara ini tidak berulang pada masa akan datang.

**Pada pendapat Audit, amalan terbaik seperti yang digariskan dalam MCCG dan *Green Book* wajar dilaksanakan bagi mencapai hasrat melahirkan Lembaga Pengarah berkompetensi tinggi untuk kemajuan syarikat.**

#### **c. Standard Operating Procedures**

- i. Mengikut MKD *Handbook* – Perenggan 1.9(c), Lembaga Pengarah hendaklah memastikan SOP merangkumi proses, prosedur dan polisi syarikat yang lengkap, jelas dan menyeluruh disediakan. Perenggan 3.25 pula menyatakan SOP yang diguna pakai dalam pengendalian urusan syarikat perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati ASUZ telah menggunakan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Di samping itu, ASUZ telah menyediakan Manual Prosedur Kerja/SOP Aktiviti Kutipan dan Agihan Zakat serta Manual Prosedur Program Agihan Zakat. Pada tahun 2018, ASUZ telah menyediakan Tatacara Kewangan dengan merujuk kepada Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAINPP. Bagaimanapun, ketiga-tiga dokumen tersebut masih belum dimuktamadkan dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

### **Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019 dan 15 April 2019**

ASUZ telah menyediakan draf Tatacara Kewangan ASUZ dengan berpandukan kepada Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAINPP dan Arahan Perbendaharaan pada tahun 2016. Draf tatacara ini telah dibentang dalam

mesyuarat Lembaga Pengarah ASUZ Bil.1/2017 bertarikh 28 Mac 2017. Walau bagaimanapun, pihak Lembaga Pengarah memohon supaya pihak pengurusan meneliti dan memperhalusi Tatacara Kewangan tersebut khususnya yang berkaitan dengan perolehan. Sehingga kini, ASUZ telah menyiapkan prosedur perolehan dan telah diserahkan kepada Bahagian Perolehan/Pengurusan Aset di Jabatan Kewangan Negeri pada 14 Mac 2019 untuk disemak sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah. ASUZ juga sedang menyediakan SOP yang melibatkan keseluruhan aktiviti syarikat yang dijangka siap untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada 28 November 2019.

**Pada pendapat Audit, penyediaan SOP Pengurusan Kewangan yang lengkap dan pematuhan terhadapnya adalah penting bagi mewujudkan kawalan dalaman yang berkesan.**

#### **d. Petunjuk Prestasi Utama**

*Green Book* Bahagian 1 dan Perenggan 3.2 menyatakan Lembaga Pengarah berperanan memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Semakan Audit mendapati ASUZ telah menyediakan KPI bagi sasaran kutipan zakat dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 28 Mac 2017. Bagaimanapun, ASUZ tidak menyediakan KPI bagi aktiviti agihan zakat disebabkan ASUZ tidak peka keperluan untuk menyediakannya. Kesannya prestasi aktiviti agihan zakat tidak dapat diukur pencapaianya.

#### **Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019 dan 15 April 2019**

ASUZ telah membentangkan pelan strategik, rancangan korporat dan Petunjuk Prestasi Utama dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.1/2017 bertarikh 28 Mac 2017. Bagaimanapun, perbincangan lanjut berkaitan pelaksanaan perancangan tersebut ditangguhkan disebabkan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**Pada pendapat Audit, ketiadaan KPI bagi aktiviti agihan zakat menyebabkan ASUZ tidak dapat mengukur pencapaian aktiviti tersebut secara menyeluruh.**

#### e. Jawatankuasa Audit

Mengikut MCCG 2017 *Intended Outcome* 8.0 & *Green Book* Perenggan 1.2.1, Jawatankuasa Audit (JKA) hendaklah ditubuhkan. JKA memainkan peranan yang berkesan dalam menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat. Semakan Audit mendapati JKA telah ditubuhkan namun tiada mesyuarat JKA dijalankan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018.

#### **Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019 dan 15 April 2019**

JKA tidak dapat berfungsi kerana berlaku proses pertukaran Pegawai Kewangan Negeri (PKN) yang juga Ahli Lembaga Pengarah ASUZ yang bertindak sebagai penggerusi JKA. Lantikan PKN sebagai penggerusi JKA hanya dibuat pada 27 Ogos 2018. JKA akan diaktifkan semula setelah Unit Audit Dalaman ASUZ ditubuhkan.

**Pada pendapat Audit, ketiadaan mekanisma pemantauan oleh JKA akan meningkatkan risiko berlakunya kelemahan kawalan dalaman operasi dan perniagaan syarikat.**

#### f. Audit Dalaman

Mengikut MCCG 2017 *Guidance* 10.1, Audit Dalaman berperanan untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar serta prosedur yang ditetapkan. Pelaksanaan Audit Dalaman dapat membantu JKA menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus serta menyarankan penambahbaikan yang memberi nilai tambah kepada aktiviti syarikat. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil.1/2014 bertarikh 22 September 2014 mendapati JKA ada membincangkan untuk mewujudkan Unit Audit Dalaman. Namun sehingga akhir tahun 2018, Audit Dalaman masih belum ditubuhkan.

#### **Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019 dan 15 April 2019**

ASUZ akan membuat pelantikan pegawai Unit Audit Dalaman pada tahun 2019 setelah semua dokumentasi prosedur kawalan dalaman dan garis panduan dimuktamad dan diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Lembaga Pengarah.

**Pada pendapat Audit, ketiadaan fungsi Audit Dalaman menyebabkan pemeriksaan berterusan tidak dapat dijalankan terhadap keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.**

**g. Setiausaha Syarikat**

- i. Seksyen 235 hingga 242 Akta Syarikat 2016 menetapkan peraturan berhubung dengan pelantikan Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat hendaklah mematuhi Kod Etika Setiausaha Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam menjalankan tanggungjawabnya. Peranan utama Setiausaha Syarikat adalah membimbang, memberi panduan dan nasihat berkaitan peraturan dan peruntukan yang termaktub bagi sesuatu syarikat kepada ahli Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati tiada agenda dicadangkan oleh Setiausaha Syarikat untuk membentangkan Piagam Lembaga Pengarah dan Kod Etika Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat tidak memainkan peranan membantu dan menasihati Lembaga Pengarah dalam mewujudkan Piagam Lembaga Pengarah dan Kod Etika Lembaga Pengarah yang merupakan salah satu elemen dalam sistem kawalan dalaman syarikat. Perkara ini menyebabkan Lembaga Pengarah tidak peka mengenai peranan dan keperluan Kod Etika Lembaga Pengarah dan Piagam Lembaga Pengarah dalam pengurusan syarikat.

**6.2. Pengurusan Aktiviti**

Selaras dengan fungsi syarikat, ASUZ telah melaksanakan dua (2) aktiviti utama iaitu kutipan dan agihan zakat. Aktiviti kutipan zakat dijalankan dari masa ke semasa terhadap pembayar zakat sedia ada dan yang baharu melalui program promosi dan pemasaran yang dijalankan. Manakala aktiviti agihan pula dilaksanakan melalui pelbagai program agihan kepada tujuh (7) daripada lapan (8) golongan asnaf zakat yang layak.

### 6.2.1. Prestasi Aktiviti

#### a. Program Promosi dan Pemasaran

- i. ASUZ telah menjalankan program promosi dan pemasaran di pejabat kerajaan dan swasta (majikan) di seluruh Pulau Pinang bagi mengalakkan masyarakat Islam membayar zakat. Program ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif syarikat bagi meningkatkan jumlah kutipan dan bilangan pembayar zakat dari masa ke semasa.
- ii. Program promosi dan pemasaran dijalankan di dua (2) peringkat iaitu peringkat Jabatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kutipan dan Pemasaran (JKP) serta peringkat Individu yang dijalankan oleh pegawai JKP. Program peringkat Jabatan yang dijalankan ialah pameran, van bergerak dan ops niaga manakala program peringkat Individu ialah taklimat, pembukaan kaunter dan kunjungan/temu janji/taksiran.
- iii. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, ASUZ telah melaksanakan 212 program peringkat Jabatan dan 3,815 program peringkat Individu dengan perbelanjaan berjumlah RM77,224. Butirannya seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**BILANGAN PROGRAM PROMOSI DAN PEMASARAN**  
**YANG DILAKSANAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

BIL.	PROGRAM	TAHUN				JUMLAH (BIL)
		2015 (BIL)	2016 (BIL)	2017 (BIL)	2018 (BIL)	
<b>PROGRAM PERINGKAT JABATAN</b>						
1.	Kaunter dan Pameran	33	30	27	25	115
2.	Van Bergerak	TB	TB	22	25	47
3.	Ops Niaga	10	14	9	17	50
<b>JUMLAH KECIL PROGRAM</b>		<b>43</b>	<b>44</b>	<b>58</b>	<b>67</b>	<b>212</b>
<b>PROGRAM PERINGKAT INDIVIDU</b>						
1.	Taklimat	126	116	55	59	356
2.	Kaunter	292	313	315	396	1,316
3.	Kunjungan/Temu janji/ Taksiran	301	575	579	688	2,143
<b>JUMLAH KECIL PROGRAM</b>		<b>719</b>	<b>1,004</b>	<b>949</b>	<b>1,143</b>	<b>3,815</b>
<b>JUMLAH BESAR PROGRAM</b>		<b>762</b>	<b>1,048</b>	<b>1,007</b>	<b>1,210</b>	<b>4,027</b>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>RM15,164</b>	<b>RM10,112</b>	<b>RM39,304</b>	<b>RM12,644</b>	<b>RM77,224</b>

Sumber: Laporan Prestasi Jabatan Kutipan dan Pemasaran

Nota: (TB) – Tidak Berkaitan

- iv. Analisis Audit mendapati bilangan program promosi dan pemasaran yang dijalankan pada tahun 2016 adalah 1,048 iaitu meningkat sebanyak 286 program (37.5%) berbanding 762 program pada tahun 2015. Peningkatan ini disebabkan pertambahan program kunjungan/temu janji/taksiran. Bagaimanapun, bilangan program yang dilaksanakan pada tahun 2017 telah menurun sebanyak 41 program (3.9%) berbanding tahun 2016. Menurut pegawai ASUZ, penurunan ini disebabkan ASUZ telah memperlakukan pelaksanaan program apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan di ASUZ.
- v. Pada tahun 2018, ASUZ telah mempergiatkan program promosi dan pemasaran dengan pertambahan sebanyak 203 program bagi meningkatkan lagi prestasi kutipan dan agihan zakat kepada asnaf.
- vi. Analisis Audit mendapati berlaku peningkatan ketara jumlah perbelanjaan bagi tujuan promosi dan pemasaran pada tahun 2017 iaitu meningkat sejumlah RM29,192 (288.7%) daripada RM10,112 pada tahun 2016 kepada RM39,304. Peningkatan perbelanjaan ini disebabkan terdapat tambahan program baharu iaitu Program Van Bergerak.
- vii. Semakan selanjutnya mendapati ASUZ tidak menetapkan sasaran bilangan program promosi dan pemasaran yang hendak dilaksanakan di peringkat Jabatan. Sasaran bilangan program promosi dan pemasaran hanya ditetapkan di peringkat Individu iaitu antara 200 hingga 580 program setahun seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**SASARAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM PROMOSI DAN PEMASARAN**  
**PERINGKAT INDIVIDU BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

TAHUN	PROGRAM						JUMLAH		PERATUS LAKSANA (%)	
	TAKLIMAT		KAUNTER		KUNJUNGAN/TEMU JANJI/TAKSIRAN					
	SASARAN (BIL)	LAKSANA (BIL)	SASARAN (BIL)	LAKSANA (BIL)	SASARAN (BIL)	LAKSANA (BIL)	SASARAN (BIL)	LAKSANA (BIL)		
2015	250	126	390	292	580	301	1,220	719	58.9	
2016	250	116	390	313	580	573	1,220	1,002	82.1	
2017	250	55	410	315	580	579	1,240	949	76.5	
2018	200	59	410	396	580	688	1,190	1,143	96.1	
<b>JUMLAH</b>	<b>950</b>	<b>356</b>	<b>1,600</b>	<b>1,316</b>	<b>2,320</b>	<b>2,141</b>	<b>4,870</b>	<b>3,813</b>	<b>78.3</b>	

Sumber: Laporan Prestasi Jabatan Kutipan dan Pemasaran

viii. Analisis Audit mendapati program promosi dan pemasaran peringkat Individu yang dilaksanakan pada tahun 2015 hanya mencapai 58.9% daripada sasaran yang ditetapkan. Pencapaian ini telah meningkat kepada 82.1% pada tahun 2016. Pencapaian pada tahun 2017 menurun kepada 76.5% dan meningkat semula kepada 96.1% pada tahun 2018.

### **Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019 dan 15 April 2019**

Pada tahun 2017, aktiviti promosi dan pemasaran menjadi perlahan disebabkan siasatan oleh pihak SPRM. Walau bagaimanapun, pada tahun 2018, program promosi dan pemasaran dijalankan seperti yang dirancang dan kesannya telah menunjukkan peningkatan terhadap jumlah kutipan zakat.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, prestasi program promosi dan pemasaran peringkat Individu adalah baik kerana telah mencapai 76.5% hingga 96.1%.**

### **b. Kutipan Zakat**

- i. As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZ) menetapkan sasaran kutipan zakat mencapai RM100 juta setiap tahun bagi tempoh lima (5) tahun mulai tahun 2015. Sasaran kutipan zakat antaranya meliputi kutipan zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat simpanan, zakat harta dan zakat fitrah. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2015 dan 2016, kutipan adalah berjumlah RM92.84 juta dan RM96.78 juta berbanding sasaran RM100 juta yang ditetapkan. Bagaimanapun, ASUZ telah berjaya mencapai sasaran kutipan zakat yang ditetapkan bermula tahun 2017 dengan kutipan berjumlah RM101.45 juta. Seterusnya, kutipan zakat meningkat kepada RM119.73 juta pada tahun 2018. Pelaksanaan program promosi dan pemasaran antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat. Jumlah kutipan zakat bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 mengikut jenis zakat adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**JUMLAH KUTIPAN ZAKAT BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

<b>BIL.</b>	<b>JENIS ZAKAT</b>	<b>KUTIPAN ZAKAT (TAHUN)</b>			
		<b>2015 (RM)</b>	<b>2016 (RM)</b>	<b>2017 (RM)</b>	<b>2018 (RM)</b>
1.	Zakat Pendapatan	53,903,805	55,719,285	62,502,282	64,569,673
2.	Zakat Perniagaan	17,272,467	19,407,655	17,079,641	33,229,626
3.	Zakat Wang Simpanan	8,687,515	9,460,111	10,146,798	10,002,927
4.	Zakat Saham	314,455	391,571	429,344	449,749
5.	Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1,696,056	2,181,613	2,188,590	2,176,698
6.	Zakat Emas	792,367	926,548	960,666	986,613
7.	Zakat Perak	4,037	4,008	6,877	3,244
8.	Zakat Qadha	461,413	177,130	364,152	203,968
9.	Zakat Harta	4,738,951	3,466,185	2,598,137	2,848,931
10.	Zakat Tanaman	392,750	390,067	353,592	345,132
11.	Zakat Ternakan	18,241	8,550	9,620	9,830
12.	Zakat Fitrah	4,562,761	4,648,760	4,814,733	4,907,823
<b>JUMLAH</b>		<b>92,844,818</b>	<b>96,781,483</b>	<b>101,454,432</b>	<b>119,734,214</b>

Sumber: Laporan Utama Kutipan Zakat

**Pada pendapat Audit, prestasi kutipan zakat adalah baik di mana sasaran yang ditetapkan telah dicapai pada tahun 2017 dan 2018.**

### c. Agihan Zakat

- i. Peranan ASUZ adalah menyediakan dan melaksanakan agihan zakat berdasarkan sasaran kutipan zakat pada tahun berkenaan. Setiap tahun ASUZ akan menyediakan anggaran peruntukan agihan zakat kepada tujuh (7) asnaf yang layak dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, ASUZ telah berjaya mengagihkan 90.3% hingga 99.5% daripada peruntukan agihan zakat yang diluluskan. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PERUNTUKAN AGIHAN ZAKAT BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN (RM Juta)</b>	<b>AGIHAN (RM Juta)</b>	<b>PERATUS AGIHAN (%)</b>
2015	112.30	101.37	90.3
2016	101.48	100.96	99.5
2017	105.09	99.78	94.9
2018	109.74	101.01	92
<b>JUMLAH</b>	<b>428.61</b>	<b>403.12</b>	<b>94.1</b>

Sumber: Laporan Utama Agihan Zakat

- ii. Mengikut Laporan Utama Agihan Zakat bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, ASUZ telah melaksanakan 742 program (83.7%) agihan zakat daripada 887 program yang dirancang. Program tersebut telah melibatkan 42,405 orang hingga 45,996 orang penerima zakat seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PELAKSANAAN PROGRAM AGIHAN ZAKAT BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

TAHUN	BILANGAN PENERIMA (ORANG)	PROGRAM AGIHAN ZAKAT		
		SASARAN (BIL)	PELAKSANAAN (BIL)	PERATUS PELAKSANAAN (%)
2015	45,232	257	215	83.7
2016	42,859	206	186	90.3
2017	42,405	206	168	81.6
2018	45,996	218	173	79.4
<b>JUMLAH</b>		<b>887</b>	<b>742</b>	<b>83.7</b>

Sumber: Laporan Utama Agihan Zakat

- iii. Semakan Audit mendapati sebanyak 15 program agihan berjumlah RM14.02 juta telah dilaksanakan tanpa peruntukan. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 7**. Selain itu, agihan zakat melalui 145 program yang dilaksanakan pada tahun 2015 hingga 2018 telah melebihi peruntukan yang diluluskan sejumlah RM32.12 juta. Butirannya seperti dalam **Jadual 8**. Menurut ASUZ, terdapat lebihan peruntukan bagi program yang tidak dilaksanakan/tidak dilaksanakan sepenuhnya. Lebihan peruntukan tersebut telah digunakan untuk menampung program agihan zakat yang tidak dirancang atau tidak disediakan peruntukan secukupnya. Bagaimanapun, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada kelulusan telah diberi oleh Lembaga Pengarah bagi melaksanakan program berkenaan kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan untuk semakan.

**JADUAL 7**  
**PROGRAM AGIHAN ZAKAT TANPA PERUNTUKAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

PERKARA /ASNAF	PROGRAM				JUMLAH PROGRAM (BIL)	AGIHAN PADA TAHUN				JUMLAH AGIHAN (RM)
	2015 (BIL)	2016 (BIL)	2017 (BIL)	2018 (BIL)		2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	
Fakir	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Miskin	2	6	0	0	8	6,765	6,152	0	0	12,917
Amil *	1	2	2	1	6	6,651,836	2,983,264	2,986,662	381,711	13,003,473
Muallaf	1	0	0	0	1	1,000,000	0	0	0	1,000,000
Ghorimin	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Ibnu Sabil	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Fisabilillah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>8</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>15</b>	<b>7,658,601</b>	<b>2,989,416</b>	<b>2,986,662</b>	<b>381,711</b>	<b>14,016,390</b>

Sumber: Laporan Utama Agihan Zakat

Nota: (\*) - Bayaran komisen kutipan zakat kepada ASUZ

**JADUAL 8**  
**PROGRAM AGIHAN ZAKAT MELEBIHI PERUNTUKAN**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

PERKARA/ ASNAF	BAGI TEMPOH TAHUN 2015 – 2018			
	PROGRAM AGIHAN (BIL)	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH AGIHAN (RM)	JUMLAH AGIHAN MELEBIHI PERUNTUKAN (RM)
Fakir	8	2,586,000	2,773,508	187,508
Miskin	97	90,366,540	108,585,312	18,218,772
Amil *	2	13,491,481	14,757,740	1,266,259
Muallaf	6	3,467,226	4,271,740	804,514
Ghorimin	3	3,230,000	3,596,041	366,041
Ibnu Sabil	0	0	0	0
Fisabilillah	29	24,433,280	35,706,785	11,273,505
<b>JUMLAH</b>	<b>145</b>	<b>137,574,527</b>	<b>169,691,126</b>	<b>32,116,599</b>

Sumber: Laporan Utama Agihan Zakat

Nota: (\*) - Bayaran komisen kutipan zakat kepada ASUZ

- iv. Menurut pegawai ASUZ, keadaan ini disebabkan oleh prosedur untuk memohon peruntukan tambahan belum diwujudkan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018. Kesannya sebahagian daripada program agihan zakat yang dilaksanakan tidak mengikut perancangan anggaran belanjawan yang diluluskan.

**Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019 dan 15 April 2019**

Secara keseluruhannya, agihan zakat bagi tahun 2015 hingga 2018 tidak melebihi peruntukan agihan zakat yang telah diluluskan. Kebanyakan program agihan zakat yang telah dilaksanakan tanpa peruntukan adalah disebabkan oleh program luar jangka yang telah mendapat kelulusan MAINPP. Walau bagaimanapun, perbelanjaan program ini diambil dari program lain yang ada peruntukan tetapi tidak dapat dilaksanakan. Merujuk kepada perbelanjaan agihan zakat melebihi peruntukan, perbelanjaan yang dilakukan adalah dalam lingkungan anggaran belanjawan tahunan yang telah diluluskan tetapi pindah peruntukan tidak dilakukan menyebabkan perbelanjaan yang dilaporkan melebihi peruntukan. Walau bagaimanapun, pada tahun 2018 pindah peruntukan telah dibuat tetapi tidak dikemas kini dalam Sistem Maklumat Zakat menyebabkan laporan yang diberikan kepada pihak Audit tidak tepat. Pindah peruntukan telah dikemas kini dalam Sistem Maklumat Zakat mulai tahun 2019.

**Pada pendapat Audit, program agihan zakat kurang cekap kerana agihan yang dibuat tidak selaras dengan perancangan awal yang diluluskan.**

#### **d. Lebihan Wang Zakat**

- i. ASUZ berperanan menyediakan perancangan agihan zakat berdasarkan sasaran kutipan zakat pada tahun berkenaan. Aktiviti agihan zakat dilaksanakan melalui pelbagai program agihan kepada tujuh (7) daripada lapan (8) golongan asnaf zakat yang layak. Lebihan wang zakat yang tidak diagihkan akan digunakan untuk melaksanakan program agihan kepada golongan asnaf pada tahun berikutnya.
- ii. Semakan Audit terhadap Laporan Akaun Zakat yang disediakan oleh ASUZ mendapati lebihan wang zakat terkumpul telah meningkat daripada RM64.82 juta pada tahun 2016 kepada RM68.01 juta pada tahun 2017 dan seterusnya kepada RM89.12 juta pada tahun 2018. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 9**. Semakan selanjutnya mendapati sehingga akhir tahun 2018, ASUZ belum menyediakan perancangan bagi mengagihkan lebihan wang zakat tersebut.

**JADUAL 9**  
**LEBIHAN WANG ZAKAT TERKUMPUL**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018**

PERKARA	2016	2017	2018
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
Lebihan Wang Zakat Terkumpul	64.82	68.01	89.12

Sumber: Laporan Akaun Zakat

#### **Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019 dan 15 April 2019**

Pada masa ini, ASUZ menghadapi masalah dalam membelanjakan lebihan wang zakat kerana permohonan anggaran belanjawan bagi menggunakan lebihan ini akan memberi kesan kepada keseluruhan anggaran belanjawan MAINPP. Walau bagaimanapun, ASUZ telah mengadakan perbincangan dengan wakil pihak Audit, MAINPP, SUK dan wakil pejabat PKN pada 25 Mac 2019 berhubung dengan penggunaan lebihan wang zakat untuk diagihkan semula kepada golongan asnaf di Pulau Pinang. ASUZ akan menyediakan kaedah penggunaan lebihan wang zakat yang akan dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Fatwa dan MAINPP.

**Pada pendapat Audit, lebihan wang zakat tidak dimanfaatkan secara optimum berdasarkan lebihan terkumpul tahun 2018 yang semakin meningkat.**

## 6.2.2. Pelaksanaan Aktiviti

### a. Aktiviti Kutipan Zakat Melalui Potongan Gaji

- i. ASUZ telah melaksanakan aktiviti kutipan zakat melalui pelbagai kaedah kutipan yang diperkenalkan antaranya secara potongan gaji, pembayaran di kaunter zakat, *internet banking* atau melalui pos. Kutipan zakat (tidak termasuk zakat fitrah) menunjukkan peningkatan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 masing-masing berjumlah RM88.28 juta, RM92.13 juta, RM96.64 juta dan RM114.83 juta yang diterima melalui 10 kaedah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**KAEDAH KUTIPAN ZAKAT DAN JUMLAH KUTIPAN ZAKAT**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

BIL.	KAEDAH KUTIPAN ZAKAT	KUTIPAN ZAKAT (TAHUN)			
		2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
1.	Kaunter Zakat	39,033,930	46,285,905	41,808,713	61,939,877
2.	Potongan Gaji	42,877,365	42,859,379	48,081,319	48,577,389
3.	Agen Bank	0	4,556	0	0
4.	Pos/Mailing	949,593	282,603	18,903	17,391
5.	Majlis Rasmi	3,512,584	303,446	2,178,500	0
6.	Auto Debit	0	255	576,959	0
7.	<i>Internet Banking</i>	1,829,945	2,248,117	3,478,469	4,093,746
8.	Kutipan Luar	19,155	91,796	457,045	145,078
9.	Agen Pos	59,486	56,666	36,623	52,909
10.	Jompay	0	0	3,169	0
<b>JUMLAH</b>		<b>88,282,058</b>	<b>92,132,723</b>	<b>96,639,700</b>	<b>114,826,390</b>

Sumber: Laporan Zakat Mengikut Cara Terima

- ii. Kaedah kutipan zakat pendapatan secara potongan gaji adalah antara penyumbang terbesar kepada jumlah kutipan zakat keseluruhannya iaitu antara 42.3% hingga 49.8%. ASUZ telah menjalankan program promosi dan pemasaran di pejabat kerajaan dan swasta (majikan) dengan mengadakan kunjungan/temu janji/taksiran. Melalui program ini, pegawai Jabatan Kutipan dan Pemasaran (JKP) akan memilih majikan yang hendak dikunjungi untuk diberikan penerangan tentang kaedah kutipan zakat melalui potongan gaji, kelebihan kaedah kutipan dan jumlah pelepasan (had kifayah) diri dan keluarga. Pegawai JKP akan memberikan taklimat di pejabat majikan dan mengedarkan borang potongan gaji untuk diisi oleh kakitangan bagi membolehkan kutipan zakat melalui potongan gaji dilaksanakan. Jumlah potongan zakat ditentukan setelah ditolak pelepasan

diri dan keluarga. Pegawai JKP akan mengira nilai taksiran potongan gaji yang akan dilaksanakan majikan berkenaan.

- iii. Mengikut Laporan Potongan Gaji sehingga bulan Disember 2018, ASUZ telah mengutip zakat berjumlah RM48.58 juta melalui potongan gaji melibatkan 762 majikan dengan jumlah pembayar seramai 51,200 orang. Butiran lanjut mengenai kutipan zakat melalui potongan gaji adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**KUTIPAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018**

TAHUN	JUMLAH MAJIKAN (BIL)	JUMLAH PEMBAYAR (ORANG)	JUMLAH KUTIPAN (RM JUTA)
2015	694	51,416	42.88
2016	692	51,466	42.86
2017	739	51,534	48.08
2018	762	51,200	48.58

Sumber: Laporan Potongan Gaji

- iv. Analisis Audit mendapati jumlah majikan yang bersetuju menguruskan bayaran zakat melalui potongan gaji telah meningkat pada setiap tahun iaitu daripada 694 majikan pada tahun 2015 kepada 762 majikan pada tahun 2018, dengan peningkatan 68 majikan (9.8%). Keadaan ini telah menyumbang kepada peningkatan jumlah kutipan zakat melalui potongan gaji pada setiap tahun iaitu daripada RM42.88 juta pada tahun 2015 kepada RM48.58 juta pada tahun 2018. Bagaimanapun, bilangan pembayar zakat pada tahun 2018 telah menurun seramai 334 orang (0.7%) walaupun berlaku peningkatan sebanyak 23 majikan dari tahun 2017. Penurunan ini disebabkan terdapat kilang yang telah menghentikan operasi di Pulau Pinang.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kutipan zakat melalui potongan gaji telah diuruskan dengan cekap dengan peningkatan bilangan majikan yang menyertai program. Peningkatan ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018.**

## **b. Program Bantuan Bina Rumah**

- i. Program bantuan bina rumah adalah salah satu (1) agihan zakat kepada golongan asnaf yang diperkenalkan oleh ASUZ selaras dengan Peraturan-Peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah Negeri Pulau Pinang 1979. Program bantuan bina rumah dilaksanakan dengan objektif menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada asnaf fakir/miskin dan sebagai salah satu penyelesaian masalah miskin tegar di Pulau Pinang. Syarat kelayakan permohonan bantuan bina rumah antaranya pemastautin di Pulau Pinang, pendapatan seisi keluarga tidak melebihi RM1,200 dan mempunyai tanah sendiri atau mendapat kebenaran bertulis sekiranya tanah milik orang lain.
- ii. Mengikut Manual Prosedur Program Agihan Zakat, permohonan bantuan bina rumah oleh asnaf akan dibincangkan, diteliti dan diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Bina dan Baik Pulih Rumah. Jawatankuasa ini dianggotai oleh tiga (3) ahli Lembaga Pengarah ASUZ, Ketua Pegawai Eksekutif dan seorang kakitangan ASUZ yang terlibat dalam program baik pulih dan bina rumah. Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat, ASUZ bertanggungjawab menyediakan kertas kerja laporan siasatan bagi setiap permohonan untuk diangkat kepada Jawatankuasa Bina dan Baik Pulih Rumah bagi kelulusan. ASUZ juga bertanggungjawab melantik kontraktor bagi pembinaan rumah dan memantau pelaksanaannya.
- iii. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 kerana rekod yang lengkap tidak dikemukakan kepada pihak Audit. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat menentukan permohonan yang diluluskan telah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Hal ini berlaku kerana semasa pengauditan dijalankan, dokumen berkaitan telah diserahkan oleh ASUZ kepada SPRM yang menjalankan siasatan berkaitan aduan kes rasuah di ASUZ.
- iv. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, sebanyak 86 rumah telah dibina oleh ASUZ untuk asnaf fakir dan miskin dengan perbelanjaan berjumlah RM3.55 juta. Bagaimanapun, pembinaan enam (6) rumah yang telah diluluskan masih belum dilaksanakan sehingga akhir bulan Disember 2018. Semakan lanjut mendapati dua (2) daripada enam (6) permohonan tersebut telah diluluskan pada tahun 2016 manakala empat (4) lagi telah diluluskan pada tahun 2017. Butirannya seperti dalam **Jadual 12.**

**JADUAL 12**  
**PEMOHON BELUM MENERIMA BANTUAN BINA RUMAH**

BIL.	MAKLUMAT PEMOHON	TARIKH PERMOHONAN DITERIMA	KELULUSAN JAWATANKUASA	
			BIL. MESYUARAT	TARIKH
1.	XXXXXX-XX-5085	03.02.2016	2/2016	11.08.2016
2.	XXXXXX-XX-5019	29.10.2015	2/2016	11.08.2016
3.	XXXXXX-XX-5471	11.10.2016	1/2017	11.04.2017
4.	XXXXXX-XX-5165	16.05.2016	1/2017	11.04.2017
5.	XXXXXX-XX-6775	30.08.2016	1/2017	11.04.2017
6.	XXXXXX-XX-5772	30.08.2016	1/2017	11.04.2017

Sumber: Laporan Bantuan Bina Rumah

- v. Berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Bina dan Baik Pulih Rumah, dua (2) kontraktor telah ditawarkan kontrak untuk membina dua (2) rumah iaitu pada 1 September 2016 dan 1 Februari 2017 bagi permohonan yang diluluskan pada tahun 2016. Bagaimanapun, kontraktor tersebut telah menarik diri kerana menghadapi masalah kewangan. Semakan selanjutnya mendapati sehingga akhir tahun 2018, tiada tawaran baru dikeluarkan kepada kontraktor yang lain. Manakala bagi empat (4) permohonan yang diluluskan pada tahun 2017, tiada tawaran dikeluarkan kepada kontraktor lain sehingga akhir tahun 2018. Mengikut rekod ASUZ, pemohon masih menduduki rumah lama atau menyewa rumah seperti **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

**GAMBAR 1**



Kediaman Pemohon, Seberang Perai Utara,  
Pulau Pinang  
- Pemohon Menumpang di Rumah Mertua  
(11.8.2016)  
(Sumber: As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.)

**GAMBAR 2**



Kediaman Pemohon, Seberang Perai Utara,  
Pulau Pinang  
- Pemohon Tinggal di Rumah Pusaka yang Usang  
(11.4.2017)  
(Sumber: As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.)

**GAMBAR 3**



Kediaman Pemohon, Seberang Perai Utara,  
Pulau Pinang  
- Pemohon Menumpang di Rumah Ibu  
(11.4.2017)  
(Sumber: As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.)

**GAMBAR 4**



Kediaman Pemohon, Seberang Perai Utara,  
Pulau Pinang  
- Pemohon Tinggal di Rumah Sewa  
(11.8.2016)  
(Sumber: As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.)

### **Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019 dan 15 April 2019**

Projek pembinaan rumah telah ditangguhkan setelah ASUZ terlibat dalam siasatan SPRM bagi mencari kaedah terbaik penambahbaikan bantuan tersebut. Bagi kelulusan bina rumah yang diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Bina dan Baik Pulih Rumah Bil.1/2017 pada 11 April 2017, pelantikan kontraktor masih belum dibuat dari tarikh siasatan SPRM dan pelantikan kontraktor terpaksa ditangguhkan bagi mempertimbangkan kaedah pemilihan kontraktor. Selain itu, kelulusan seorang pemohon ditangguhkan kerana masalah status tanah. Manakala bagi kontraktor yang telah menarik diri, pelantikan kontraktor baharu akan dibuat pada tahun 2019.

vi. Mengikut surat arahan pelaksanaan kerja yang dikeluarkan oleh ASUZ kepada kontraktor, kerja pembinaan rumah perlu diselesaikan dalam tempoh 40 hari dari tarikh surat arahan pelaksanaan kerja dikeluarkan. Semakan Audit terhadap Laporan Bantuan Bina Rumah mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, sebanyak enam (6) daripada 86 buah rumah telah lewat disiapkan oleh kontraktor dengan tempoh kelewatan antara 76 hingga 610 hari. Menurut ASUZ, kelewatan ini antaranya disebabkan oleh keadaan tanah yang tidak sesuai atau kelewatan mendapat kebenaran untuk membina rumah daripada tuan tanah. Butirannya seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**TEMPOH KELEWATAN MENYIAPKAN RUMAH**

BIL.	MAKLUMAT PENERIMA BANTUAN	TARIKH ARAHAN KERJA	TARIKH RUMAH SIAP	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
1.	XXXXXX-XX-5887	01.09.2016	12.01.2017	93
2.	XXXXXX-XX-5039	01.04.2015	10.01.2017	610
3.	XXXXXX-XX-5334	01.11.2016	25.02.2017	76
4.	XXXXXX-XX-5254	01.11.2016	08.03.2017	87
5.	XXXXXX-XX-5080	01.09.2016	01.02.2017	113
6.	XXXXXX-XX-5098	01.09.2016	08.03.2017	148

Sumber: Laporan Bantuan Bina Rumah

vii. Pihak Audit telah mengadakan lawatan pada 12 Disember 2018 ke tujuh (7) lokasi rumah asnaf di Seberang Perai Selatan yang menerima bantuan rumah bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018. Hasil temu bual mendapati kesemua asnaf tersebut berpuas hati terhadap rumah bantuan yang diberikan kerana keadaan rumah yang selesa telah mengurangkan beban asnaf. Maklumat lawatan seperti dalam **Gambar 5** hingga **Gambar 8**.

**GAMBAR 5**



Rumah Penerima Bantuan,  
Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang  
- Rumah Bantuan yang Telah Didiami  
(12.12.2018)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6**



Rumah Penerima Bantuan,  
Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang  
- Rumah Bantuan yang Telah Didiami  
(12.12.2018)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 7**



Rumah Penerima Bantuan,  
Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang  
- Rumah Bantuan yang Telah Didiami  
(12.12.2018)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 8**



Rumah Penerima Bantuan,  
Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang  
- Rumah Bantuan yang Telah Didiami  
(12.12.2018)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

## **Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019 dan 15 April 2019**

Terdapat beberapa permasalahan berhubung pembinaan rumah yang lewat disiapkan. Pihak kontraktor perlu memastikan bahawa tapak tanah untuk pembinaan rumah tersebut stabil dan selamat terlebih dahulu selepas penambakan tanah dibuat untuk tanah berpaya dan sawah padi. Selain itu, kontraktor yang dilantik terpaksa menangguhkan pembinaan disebabkan tapak pembinaan berdekatan dengan kuari yang boleh menjelaskan struktur binaan rumah. Aduan telah dibuat kepada Pengerusi Jawatankuasa Bantuan Bina dan Baik Pulih Rumah serta tindakan telah diambil sehingga rumah pemohon berjaya disiapkan pada bulan Januari 2017.

**Pada pendapat Audit, walaupun masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan, program bantuan bina rumah secara umumnya telah mencapai objektif yang ditetapkan. Namun kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaannya telah menyebabkan golongan asnaf terlibat lewat mendapat manfaat daripada program ini.**

### **c. Pengurusan *Zakat Mart***

- i. ASUZ juga telah melaksanakan agihan zakat melalui program latihan keusahawanan (*Zakat Mart*). *Zakat Mart* ialah kedai runcit yang diwujudkan melalui projek Gerak Asnaf Niaga bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan, melatih dan memberi ilmu pengetahuan dalam bidang perniagaan kepada golongan asnaf fakir dan miskin yang berpotensi dan berminat. *Zakat Mart* ditubuhkan pada tahun 2004 dan sehingga 2009 terdapat tujuh (7) cawangan di Pulau Pinang. Bagaimanapun, mulai tahun 2013, *Zakat Mart* telah berkurang kepada tiga (3) cawangan iaitu satu (1) di Balik Pulau dan dua (2) di Tasek Gelugor yang diuruskan oleh 12 kakitangan dari golongan asnaf. Menurut pegawai ASUZ, empat (4) cawangan *Zakat Mart* telah ditutup disebabkan peserta kurang mahir mengendalikan perniagaan runcit. Tiga (3) *Zakat Mart* yang masih beroperasi adalah seperti dalam **Gambar 9** hingga **Gambar 14**.

**GAMBAR 9**



Zakat Mart, Tasek Gelugor, Pulau Pinang

- Zakat Mart yang Masih Beroperasi  
(28.11.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 10**



Zakat Mart, Tasek Gelugor, Pulau Pinang

- Bahagian dalam Zakat Mart yang Masih Beroperasi  
(28.11.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 11**



Zakat Mart, Tasek Gelugor Indah, Pulau Pinang

- Zakat Mart yang Masih Beroperasi  
(28.11.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 12**



Zakat Mart, Tasek Gelugor Indah, Pulau Pinang

- Bahagian dalam Zakat Mart yang Masih Beroperasi  
(28.11.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 13**




Zakat Mart, Balik Pulau, Pulau Pinang

- Zakat Mart yang Masih Beroperasi  
(5.12.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 14**



Zakat Mart, Balik Pulau, Pulau Pinang

- Bahagian dalam Zakat Mart yang Masih Beroperasi  
(5.12.2018)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Semakan Audit terhadap Laporan Hasil dan Belanja *Zakat Mart* bagi tahun 2015 hingga 2018 mendapati perbelanjaan operasi *Zakat Mart* seperti emolumen kakitangan, sewa, utiliti dan penyelenggaraan masih ditanggung melalui Kumpulan Wang Zakat. Hal ini kerana hasil pendapatan daripada jualan tidak dapat menampung kos operasi. *Zakat Mart* mengalami kurangan pendapatan daripada hasil perniagaan yang dijalankan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 berjumlah RM0.90 juta iaitu antara RM140,234 hingga RM272,808. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14.**

**JADUAL 14**  
**KURANGAN PENDAPATAN PERNIAGAAN ZAKAT MART**  
**BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

BIL.	CAWANGAN ZAKAT MART	KURANGAN PENDAPATAN			
		2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
1.	Balik Pulau	126,206	121,634	51,091	47,652
2.	Tasek Gelugor	107,562	78,880	42,964	95,188
3.	Tasek Gelugor Indah	39,040	54,693	46,179	85,244
<b>JUMLAH</b>		<b>272,808</b>	<b>255,207</b>	<b>140,234</b>	<b>228,084</b>

Sumber: Laporan Hasil dan Belanja *Zakat Mart*

**Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019 dan 15 April 2019**

Bahagian Pembangunan Ekonomi akan menjalankan kajian terperinci berhubung keberkesanan program berkenaan dan akan membuat cadangan kepada Jawatankuasa Ekonomi bagi membuat keputusan sama ada untuk meneruskan dengan penambahbaikan atau penamatkan program berkenaan.

**Pada pendapat Audit, program latihan keusahawanan (*Zakat Mart*) telah berjaya membantu golongan asnaf meningkatkan pendapatan melalui elaun yang dibayar bagi menguruskan *Zakat Mart*. Bagaimanapun, kurangan pendapatan yang dicatatkan secara berterusan dari tahun 2015 menunjukkan pengurusan *Zakat Mart* masih belum mencapai tahap kecekapan optimum.**

### 6.3. Kedudukan Kewangan

6.3.1. Penyata kewangan ASUZ bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah diaudit dan diberi laporan tanpa teguran oleh Tetuan Norhashimah & Partners. Analisis terhadap kedudukan kewangan ASUZ bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018**

BUTIRAN	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
Pendapatan Kendalian	11,472,282	12,040,201	14,303,329
Pendapatan Lain	283,601	395,282	403,949
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>11,755,883</b>	<b>12,435,483</b>	<b>14,707,278</b>
Perbelanjaan Pentadbiran	8,424,477	8,327,807	9,537,177
Perbelanjaan Pemasaran	599,567	722,756	538,195
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>9,024,044</b>	<b>9,050,563</b>	<b>10,075,372</b>
<b>KEUNTUNGAN DALAM TAHUN SEBELUM CUKAI</b>	<b>2,731,839</b>	<b>3,384,920</b>	<b>4,631,906</b>
Cukai	751,879	0	0
<b>KEUNTUNGAN DALAM TAHUN SELEPAS CUKAI</b>	<b>3,483,718</b>	<b>3,384,920</b>	<b>4,631,906</b>
<b>KEUNTUNGAN TERKUMPUL</b>	<b>17,032,654</b>	<b>20,417,886</b>	<b>24,375,208</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>18,336,629</b>	<b>21,745,723</b>	<b>25,759,917</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>283,975</b>	<b>307,837</b>	<b>364,709</b>
<b>JUMLAH EKUITI</b>	<b>18,052,654</b>	<b>21,437,886</b>	<b>25,395,208</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>	<b>18,336,629</b>	<b>21,745,723</b>	<b>25,759,917</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>4,648,677</b>	<b>6,962,127</b>	<b>11,004,915</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.2. Pendapatan utama ASUZ adalah komisen kutipan zakat yang dilaporkan sebagai pendapatan kendalian di dalam Penyata Kewangan. Selain itu, ASUZ juga memperoleh pendapatan lain iaitu keuntungan daripada simpanan bank, keuntungan dari pelupusan harta syarikat dan lain-lain pendapatan. Pendapatan kendalian meningkat setiap tahun yang mana pada tahun 2017, jumlah pendapatan kendalian adalah RM12.04 juta berbanding RM11.47 juta pada tahun 2016, iaitu peningkatan sejumlah RM0.57 juta (5%). Pada tahun 2018, pendapatan kendalian telah meningkat kepada RM14.30 juta iaitu peningkatan sejumlah RM2.26 juta (18.8%) berbanding tahun 2017. Pertambahan kutipan zakat di Negeri Pulau Pinang menyumbang kepada peningkatan komisen kutipan zakat kepada ASUZ.


6.3.3. Perbelanjaan ASUZ meliputi perbelanjaan pentadbiran, pemasaran dan kewangan. Analisis Audit terhadap perbelanjaan syarikat mendapati jumlah perbelanjaan meningkat setiap tahun. Pada tahun 2017, perbelanjaan meningkat sejumlah RM26,519 (0.3%), iaitu peningkatan daripada RM9.02 juta pada tahun 2016 kepada RM9.05 juta. Pada tahun 2018, perbelanjaan telah meningkat kepada RM10.08 juta iaitu peningkatan sejumlah RM1.03 juta. Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2017 disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan pemasaran yang mana belanja bagi pengiklanan dan promosi meningkat masing-masing sejumlah RM82,701 (114.8%) dan RM82,000 (17.5%). Manakala peningkatan pada tahun 2018 disebabkan peningkatan dalam belanja pentadbiran melibatkan eluan tetap pengurus, eluan khas Lembaga Pengarah, perbelanjaan utiliti, gaji dan eluan lebih

masa, pampasan kehilangan pekerjaan, penyelidikan, percetakan serta bayaran setem dan pos.

6.3.4. ASUZ telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM2.73 juta pada tahun 2016 dan meningkat sejumlah RM0.65 juta (23.8%) kepada RM3.38 juta pada tahun 2017. Manakala pada tahun 2018, ASUZ telah mencatat keuntungan sebelum cukai sejumlah RM4.63 juta iaitu peningkatan sejumlah RM1.25 juta (36.8%) dari tahun 2017.

6.3.5. Analisis selanjutnya mendapati kadar peningkatan pendapatan adalah lebih tinggi berbanding peningkatan perbelanjaan. Ini telah menyumbang kepada peningkatan keuntungan sebelum cukai dan keuntungan terkumpul seperti ditunjukkan dalam **Carta 2** dan **Carta 3**.

**CARTA 2**  
**TREND PENDAPATAN DAN**  
**PERBELANJAAN BAGI TAHUN**  
**2016, 2017 DAN 2018**



**CARTA 3**  
**TREND KEUNTUNGAN DALAM TAHUN**  
**SEBELUM CUKAI DAN KEUNTUNGAN**  
**TERKUMPUL BAGI**  
**TAHUN 2016, 2017 DAN 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.6. Analisis Audit seterusnya mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, ASUZ mempunyai sumber yang cukup bagi memenuhi obligasinya kerana kedudukan aset syarikat melebihi liabiliti bagi tiga (3) tahun berturut-turut. Komponen terbesar aset syarikat ialah harta tanah, loji dan peralatan, jumlah terhutang oleh pertubuhan induk serta tunai dan kesetaraan tunai. Tahap kecairan syarikat adalah stabil kerana syarikat mampu untuk memenuhi liabiliti jangka pendek disebabkan aset semasa syarikat melebihi liabiliti semasa syarikat. Selain itu, kedudukan syarikat juga stabil kerana syarikat berupaya untuk menyelesaikan

hutang dan mampu melaksanakan aktiviti syarikat tanpa bergantung kepada sumber lain.

6.3.7. Analisis aliran tunai ASUZ bagi tahun kewangan 2016 hingga 2018 menunjukkan kedudukan keseluruhan aliran tunai ASUZ adalah positif. Pada tahun 2017 dan 2018, aliran tunai syarikat telah meningkat disebabkan peningkatan dalam lebihan daripada operasi sebelum pergerakan modal kerja dan pertambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai. Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi. Baki tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2016, 2017 dan 2018 masing-masing berjumlah RM4.65 juta, RM6.96 juta dan RM11 juta. Pada akhir tahun 2017, baki tunai dan kesetaraan tunai meningkat sejumrah RM2.31 juta berbanding tahun 2016 dan seterusnya meningkat sejumrah RM4.04 juta pada tahun 2018.

#### **Maklum balas ASUZ yang diterima pada 5 April 2019 dan 15 April 2019**

ASUZ mengambil pendekatan berhemat dalam menguruskan perbelanjaan di samping berusaha meningkatkan hasil dan keuntungan syarikat.

**Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan ASUZ adalah kukuh.**

## **7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan ASUZ telah dapat dicapai berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan. Bagaimanapun, tadbir urus korporat ASUZ berada pada tahap kurang memuaskan di mana hanya satu (1) daripada lapan (8) amalan terbaik pengurusan syarikat telah dilaksanakan. Kutipan zakat menunjukkan peningkatan setiap tahun dari RM92.84 juta pada tahun 2015 kepada RM119.73 juta pada tahun 2018. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 agihan zakat pula mencapai 94.1% daripada peruntukan yang diluluskan. Aktiviti agihan melalui pelaksanaan program bantuan bina rumah telah mencapai objektif yang ditetapkan. Manakala pengurusan *Zakat Mart* perlu ditambah baik bagi mengatasi kurangan pendapatan yang dicatatkan secara berterusan dari tahun 2015 hingga 2018. Kedudukan kewangan ASUZ berada pada tahap stabil dengan trend peningkatan lebihan sebelum cukai bagi tiga (3) tahun berturut-turut.

## **8. SYOR AUDIT**

Bagi membolehkan objektif penubuhan ASUZ dicapai serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah ASUZ perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara seperti berikut:

- 8.1. meningkatkan amalan tadbir urus korporat dengan mematuhi semua amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia terutama mengenai Lembaga Pengarah, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman;
- 8.2. membuat penambahbaikan dalam perancangan dan pelaksanaan serta meningkatkan pemantauan terhadap program agihan zakat bagi memastikan program yang dilaksanakan mencapai objektif ditetapkan. Perkara ini akan dapat memaksimumkan bilangan asnaf zakat yang menerima manfaat daripada program tersebut; dan
- 8.3. mengoptimumkan penggunaan lebihan wang zakat untuk asnaf.

# PENUTUP



---

## **PENUTUP**


---

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti jabatan negeri seperti berkurangnya kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan aktiviti telah menjelaskan pencapaian matlamat yang ditetapkan pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.
2. Sehubungan itu, jabatan negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
3. Agensi kerajaan negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.
4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
15 November 2019**





# AKRONIM



---

## AKRONIM

---

<b>1PP</b>	1Pekeling Perbendaharaan
<b>2YEP</b>	<i>2 Years Exit Programme</i>
<b>ACL</b>	<i>Audit Command Language</i>
<b>ASUZ</b>	As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.
<b>ATM</b>	<i>Automated Teller Machine</i>
<b>BKK</b>	Bantuan Kanak-Kanak
<b>BKP</b>	Bahagian Kebajikan Produktif
<b>BOT</b>	Bantuan Orang Tua
<b>BSN</b>	Bank Simpanan Nasional
<b>DCR</b>	Resolusi Lembaga Pengarah
<b>EPC</b>	Elaun Pekerja Cacat
<b>EPU</b>	Unit Perancang Ekonomi
<b>JKA</b>	Jawatankuasa Audit
<b>JKM</b>	Jabatan Kebajikan Masyarakat
<b>JKMM</b>	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
<b>JKMNPP</b>	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang
<b>JKN</b>	Jabatan Kewangan Negeri
<b>JKP</b>	Jabatan Kutipan dan Pemasaran
<b>JKSD</b>	Jawatankuasa Siasatan Dalaman
<b>JPN</b>	Jabatan Pendaftaran Negara
<b>KPI</b>	Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama
<b>KPWKM</b>	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
<b>M&amp;A</b>	Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat
<b>MAINPP</b>	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
<b>MCCG</b>	Malaysian Code on Corporate Governance
<b>MKD</b>	Menteri Kewangan (Diperbadankan)
<b>MMK</b>	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
<b>OKU</b>	Orang Kurang Upaya
<b>PGK</b>	Paras Garis Kemiskinan
<b>PIN</b>	Nombor Pengenalan Peribadi
<b>PKMD</b>	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
<b>PKN</b>	Pegawai Kewangan Negeri
<b>PTJ</b>	Pusat Tanggungjawab
<b>SBA</b>	Skim Bantuan Am
<b>SOP</b>	<i>Standard Operating Procedures</i>

<b>SPRM</b>	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
<b>SPS</b>	Seberang Perai Selatan
<b>SPT</b>	Seberang Perai Tengah
<b>SPU</b>	Seberang Perai Utara
<b>SSM</b>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2019  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara  
No. 15, Aras 1–5,  
Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62518 Putrajaya, Malaysia